

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV

Bil. 33

Hari Khamis

23 Julai 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

– Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan
Multimedia Malaysia 1998 (Ruangan

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 (Ruangan

USUL:

Anggaran Pembanggunan (Tamb.) (Bil.1) 1998 (Ruangan

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)

- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 23 Julai 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No 1 - Y.B Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor) tidak hadir]

HOSPITAL UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA - PEMBINAAN

2. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Hospital Universiti Putra Malaysia yang dicadangkan sebelum ini mula dibina. Adakah projek ini akan dijalankan mengikut jadual. Jika tidak, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan projek ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, Hospital Universiti Putra Malaysia yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya ialah pembinaan Hospital Serdang, dan merupakan projek Kementerian Kesihatan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Universiti Putra Malaysia mempunyai persefahaman dengan Kementerian Kesihatan bahawa hospital ini dibina di atas tanah milik UPM Kampus Serdang.

Kos projek ini ditanggung oleh Kementerian Kesihatan. Apabila siap kelak hospital ini akan digunakan oleh pelajar-pelajar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM. Dengan cara ini UPM tidak perlu mendirikan hospital

pengajarnya sendiri. Oleh kerana kegawatan ekonomi, pembinaan hospital ini ditangguh sementara waktu. Mengikut Kementerian Kesihatan, pembinaan hospital ini akan dikaji semula dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kegawatan ekonomi maka projek ini ditangguhkan dan akan dikaji semula terhadap projek ini. Jadi dengan demikian itu adakah projek ini akan diteruskan walaupun di katakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh akan dikaji, adakah terus dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh supaya projek ini boleh diteruskan?.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kita maklum apabila kajian semula itu dibuat kelak, oleh kerana kita telahpun bagi komitmen, kita akan cuba pastikan ianya dapat dilaksanakan.

[Soalan No 3 - Y.B Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai] tidak hadir.

**LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL AZIZ SHAH SUBANG
DAN KLIA - PERBANDINGAN JUMLAH KAPASITI PENUMPANG/
PENERBANGAN /KOS OPERASI**

4. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kapasiti dari segi penumpang dan penerbangan di Lapangan Terbang lama di Subang dan yang baru di Sepang. Adakah rasional dari segi ekonomi untuk menggunakan lapangan terbang baru bila kapasiti untuk yang lama masih rendah serta nyatakan sama ada beliau sedar tentang masalah yang dihadapi di lapangan terbang baru di Sepang. Nyatakan jumlah kos operasi tahunan di lapangan terbang baru berbanding dengan lama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Memandangkan soalan pokok ini mempunyai 3 - 4 soalan maka jawapan saya agak panjang sedikit. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat sabar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penumpang yang dikendalikan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang pada tahun 1997 ialah seramai 15.8 juta. Bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa kapasiti sebenar Lapangan Terbang Subang hanya sebanyak 14 juta setahun. Oleh hal yang demikian Lapangan Terbang Subang sentiasa beroperasi dalam keadaan kesesakan dan tidak dapat mengendalikan operasinya dengan berkesan dan memberi tahap perkhidmatan kepada penumpang yang selesa berbanding dengan lapangan-lapangan terbang antarabangsa serantau.

Kekurangan di Lapangan Terbang Subang adalah dari segi sistem 3 terminal yang digunakan yang tidak dapat mencapai tahap perkhidmatan yang diperlukan dari segi pergerakan penumpang dan juga bagasi dari satu terminal dengan satu terminal yang lain. Akibat dari itu, Lapangan Terbang Subang tidak dapat bersaing sebagai satu lapangan terbang yang menarik khususnya bagi penumpang-penumpang antarabangsa yang transit, dengan izin, di Kuala Lumpur dalam perjalanan mereka ke destinasi domestik serta antarabangsa yang lain. Selain daripada itu, Lapangan Terbang Subang juga menghadapi masalah kekurangan kapasiti sistem landasan yang hanya dapat mengendalikan sebanyak 35 pergerakan sejam.

Di samping itu, jumlah tempat letak pesawat adalah terhad dan sentiasa menghadapi kesesakan semasa waktu sibuk beroperasi. Akibat daripada itu, kelewatan sentiasa berlaku dan dengan itu telah menjadikan sebagai Lapangan Terbang yang tidak menarik kepada syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa serta penumpang-penumpang untuk memilih Lapangan Terbang Subang sebagai destinasi terpilih dalam perjalanan mereka.

Berasaskan kepada itu kerajaan telah membuat keputusan untuk membina satu lapangan terbang baru untuk menggantikan Lapangan Terbang di Subang. Bagi fasa pertama KLIA iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru dapat

mengendalikan sebanyak 25 juta penumpang setahun dan apabila landasan kedua siap dibina sebelum tahun ini sistem landasan akan dapat mengendalikan sebanyak 75 sejam berbanding dengan sebanyak 35 pergerakan sejam di lapangan terbang Subang.

Kementerian Pengangkutan bukan sahaja sedar tetapi terlibat secara langsung dalam menangani masalah yang dihadapi di KLIA. Sehingga ini berbagai tindakan bersepadu telahpun diambil sejak mulanya beroperasi di KLIA untuk memperbaiki tahap operasi. Akibat daripada itu keadaan operasi di KLIA telah dapat pulih dalam masa yang singkat dan ini adalah disebabkan kerjasama yang rapat di kalangan semua pihak yang berkenaan.

Kementerian Pengangkutan akan terus terlibat secara langsung dalam penyelarasan tindakan-tindakan kearah mencapai satu tahap operasi yang tinggi demi keselesaan pengguna-pengguna KLIA. Oleh kerana KLIA adalah lebih besar dari segi saiznya serta lebih canggih dari segi sistem operasinya berbanding dengan Lapangan Terbang Subang, kos operasi tahunan bagi KLIA adalah lebih tinggi berbanding dengan Lapangan Terbang Subang. Kos operasi yang lebih tinggi dalam mengendalikan sebuah lapangan terbang baru dan lebih besar adalah suatu perkara biasa dihadapi oleh pihak-pihak pengurusan lapangan terbang serata dunia.

Sebagai makluman, kos operasi di Lapangan Terbang Subang secara purata adalah kurang daripada RM100 ribu setahun, manakala kos operasi di KLIA akan jauh lebih tinggi. Oleh kerana KLIA baru sahaja mula beroperasi dan kemudahan-kemudahan dan juga sistem-sistem di lapangan terbang masih dalam peringkat pertauliah dan dalam tempoh defect liability period, dengan izin, di mana tanggungjawab penyelenggaraannya masih belum diserahkan sepenuhnya kepada pihak pengusaha lapangan terbang, adalah sukar dan kurang tepat sekiranya anggaran kos operasi diumumkan pada masa ini.

Memandangkan kepada itu, kos operasi sebenarnya dan yang lebih tepat hanya akan dapat diumumkan kelak. Namun demikian, pihak pengusaha lapangan terbang KLIA memang menyediakan belanjawan tahunan yang mencukupi untuk menampung kos operasi lapangan terbang berkenaan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan bahawa sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menyatakan semua berjalan dengan lancar, adakah beliau sedar bahawa kalau kita lihat dari segi bagasi (luggage), sistem TAMS yang terpakai dan juga sistem komputer yang lain untuk mengesan bagasi yang dibeli atau yang dipasang dengan harga US\$50 juta tidak beroperasi atau tidak boleh beroperasi dan MAS terpaksa bergantung kepada sistem KOMAS yang dulunya dipakai. Kalau sedemikian, macam mana kita boleh menggunakan kemudahan canggih dan moden yang kita belanjakan wang yang begitu besar US\$50 juta tetapi akhirnya terpaksa bergantung kepada sistem KOMAS.

Di samping itu, adakah beliau sedar bahawa untuk mengendalikan sebuah lapangan terbang yang begitu besar iaitu KLIA yang dipertanggungjawabkan kepada Malaysian Airport Berhad (MAB) hanya ada 6 kakitangan sahaja yang mengendalikan lapangan terbang yang begitu besar, sedangkan di Lapangan Terbang Subang ada hanya 14 pintu tetapi di lapangan terbang yang baru ada 50 pintu, tetapi hanya 6 kakitangan sahaja mengendalikan. Macam mana kita boleh mengharapkan lapangan terbang yang baru berjalan dengan lancar hanya bergantung kepada 6 supermen atau superwomen sedemikian?.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Melaka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini TAMS ataupun Total Airport Management System, dengan izin, adalah satu sistem yang computerised yang dapat bersepadu dengan semua sistem dalam pengendalian operasi sebuah lapangan terbang. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, TAMS ini adalah

satu sistem yang cukup canggih dan sistem ini tidak ada masalah. Cuma masalah semasa lapangan terbang KLIA ini dimulakan beroperasi, kakitangan-kakitangan serta semua pegawai yang bekerja, yang bertugas di lapangan terbang masih belum menyesuaikan diri dengan sistem TAMS ini.

Tetapi walau bagaimanapun kita mempunyai banyak kelemahan teething problem, dengan izin, di mana begitu common yang dihadapi oleh semua lapangan terbang antarabangsa yang kita dapat melihat. Satu misalan ialah macam Chicago International Airport bila ia mula beroperasi pun begitu banyak masalah. Dan baru-baru ini pula Hong Kong di Chek Lap Kok pun begitu juga. Semua ini kita tidak dapat elakkan dan macam manapun kita harus menghadapi masalah ini. Dan saya percaya KLIA walaupun dia telah mula beroperasi, menghadapi begitu banyak kelemahan dan masalah-masalah tetapi dalam satu masa yang singkat kita dapat mengatasi.

Bagi masalah bagasi-bagasi yang didapati hilang ataupun tidak dapat dikesan, ini memang salah satu kelemahan dan Kementerian Pengangkutan memang sedar tentang kelemahan ini. Setakat ini saya ingin memberitahu iaitu segala bagasi yang dianggap hilang atau tidak dapat dikesan telahpun dapat kita cari balik dan dipulangkan balik kepada penumpang-penumpang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain daripada TAMS, kita juga mempunyai satu sistem, saya tidak tahulah sama ada kita hendak guna itu sebagai KOMAS atau tidak, tetapi kita mempunyai satu sistem back-up, dengan izin. Back-up system ini adalah merupakan sistem stand alone, maksud kata dengan perkataan lain jika TAMS ini tidak dapat bersepadu semua sistem, that is 35 systems into one single system. Maksud kata, kita ada juga back up system yang dikenali sebagai "Stand Alone System".

Pada hari pertama, kedua dan ketiga di mana TAMS telah pun menghadapi masalah, dengan secepat mungkin kita revert balik kepada stand alone system di mana kita dapat mengendalikan juga operasi lapangan terbang walaupun tidak begitu berkesan.

Sukacita saya memberitahu iaitu sekarang lebih kurang kakitangan dan pegawai telah pun menyesuaikan diri dengan sistem yang begitu canggih dan kita pun telah mencapai agak tahap melebihi 90% dari segi semua aspek pengendalian operasi lapangan terbang. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Belum jawab tentang enam anggota MAB!

Dato' Chor Chee Heung: Yalah, ini merupakan satu kelemahan di peringkat awal dan jika ada kelemahan dan Yang Berhormat telah memberitahu, kita pun akan memperbaiki kelemahan itu. Sekian.

Tuan Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya diberitahu bahawa Ketua Pembangkang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah melawat KLIA dua kali. Adakah cadangan pernah dibuat oleh Ketua Pembangkang kepada pihak kementerian supaya meningkatkan perkhidmatan oleh KLIA.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Itulah yang malang sekali. Saya percaya telah beberapa kali mengikut Ketua Pembangkang sendiri, beliau melawat KLIA untuk melihat dengan sendirinya operasi lapangan terbang antarabangsa tetapi cukup malang dan saya dengan kesalnya memberitahu iaitu bukan sahaja Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak memberi sebarang cadangan yang constructive, yang boleh menolong membantu supaya KLIA dapat dilicinkan dengan operasinya, bahkan beliau, dengan izin, choose to condemn, ridicule queue dan semua negatif-negatif yang diberitahu kepada seluruh negara, malah seluruh dunia. Ini adalah salah satu

perkara yang cukup malang dan very unbecoming Leader Opposition dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman juga

Tuan Lim Guan Eng: Ini tikus banyaklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kota Melaka jangan mencelah!

Dato' Chor Chee Heung: Untuk makluman juga, Kementerian Pengangkutan memang merasa cukup kesal atas perbuatan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan kita haraplah beliau janganlah buang masa dalam semua kritikan yang begitu negatif sedangkan parti sendiri dalam proses disintegration. Sekian, terima kasih.

INDUSTRI GETAH NEGARA - PROGRAM PENANAMAN SEMULA

5. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan punca kegagalan program penanaman semula getah, terutama yang melibatkan pekebun-pekebun kecil getah, hingga memberikan kesan yang ketara terhadap masa depan industri getah negara. Adakah pihak kementerian bercadang untuk meletakkan semula RISDA di bawah pengawasan dan kawal selia Kementerian Perusahaan Utama bagi membantu memulihkan semula industri getah negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar untuk mengatakan program penanaman semula getah menghadapi kegagalan. RISDA telah melaksanakan program tanaman semula dengan mencapai banyak kemajuan antaranya adalah seperti berikut:-

- (i) sehingga kini seluas 1.038 juta hektar kawasan getah tua telah berjaya ditanam semula kali pertama, 196,000 hektar kali kedua dan 150,000 hektar kali ketiga;

- (ii) Program Tanaman Semula ini telah mula menggunakan benih terbaru iaitu latex timber clone yang mempunyai hasil susu getah 2,000 kilogram sehektar setahun di samping menghasilkan balak;
- (iii) seluas 11,198 hektar kawasan getah matang telah mengamalkan teknologi torehan low intensity tapping system, dengan izin, yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh di antara 33% ke 67%.

Soal sama ada kementerian bercadang untuk meletakkan RISDA di bawah pengawasan kawal selia Kementerian Perusahaan Utama tidak berbangkit. Ini adalah terpulang kepada kerajaan untuk menentukannya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat menerangkan kejayaannya, nampaknya kegagalan tidak disentuh sama sekali. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan peratusan jumlah pemohon untuk menanam semula setakat ini dan peratusan yang mendapat pinjaman daripada pihak RISDA termasuklah rancangan oleh kementerian untuk menukar corak memberi bantuan kepada penanam-penanam kecil kebun getah.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi menyebut kegagalan, tetapi sebenarnya beliau sendiri tidak tahu apakah kegagalan RISDA kerana tidak ada kegagalan RISDA yang dapat diambil oleh beliau sebagai bukti. Itu adalah satu tuduhan melulu yang sentiasa dibuat oleh Ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya kementerian memang berusaha sedaya upaya untuk menentukan program RISDA dapat dijalankan. Walaupun kita tidak dapat menepati sasaran kita untuk menanam semula 30,000 hektar setahun, masalah ini bukanlah masalah kerana kekurangan kecekapan RISDA tetapi oleh kerana masalah peruntukan.

Walaupun bagaimanapun, baru-baru ini kita telah mengemukakan penggubalan Akta RISDA untuk membolehkan kita mengutip semula menambahkan ses, dengan tambahan ses itu kita berharap kita dapat walaupun tidak dapat menanam 30,000 hektar setahun, kita dapat mencapai sasaran 20,000 hektar setahun.

Jadi, dengan itu juga RISDA telah mengambil pelbagai tindakan dan pelbagai aktiviti yang positif untuk menentukan bahawa kesan penurunan harga getah ini dapat dikurangkan kepada peneroka-peneroka.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tidak jawab lagi soalan tadi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa yang hendak disoal lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak jawab soalan, macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya kira dia sudah jawablah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana jawab pula, bilangan yang membuat permohonan kepada RISDA dan bilangan yang telah dilulus untuk pinjaman?

Seorang Ahli: Notis, notis!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada yang hendak ditambah lagi?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tidak!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Salah satu rungutan yang diberikan oleh pekebun-pekebun kecil dan pemilik-pemilik tanah getah persendirian ialah bayaran atau bantuan tanam semula yang terlalu kecil. Adakah setelah kajian semula mengenai ses ini diperbuat, pihak kementerian berhajat untuk mengkaji semula bayaran tanam semula yang akan diberikan kepada pekebun kecil sebagai inisiatif untuk menggerakkan tanaman getah di peringkat kampung-kampung dan di peringkat pemilik perseorangan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya kita tidak ada rancangan untuk menambahkan bantuan, kalau ada keperluan untuk memberi insentif dan sebagainya, kita akan mengambil pendekatan yang lain. Oleh kerana sekarang kita telah menghadapi masalah kewangan, maka kita masih menggunakan kadar yang lama.

**CENTRAL PROVIDENT FUND SINGAPORE -
JUMLAH WANG CARUMAN PEKERJA MALAYSIA**

6. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah anggaran deposit yang dipegang oleh warganegara kita dengan Central Provident Fund, Singapore; dan
- (b) apa tindakan yang akan diambil ataupun telah diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka dalam proses mengambil balik deposit berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Malaysia tidak mengetahui jumlah wang caruman oleh pekerja Malaysia di dalam Central Provident Fund (CPF) Singapura.
- (b) Sekatan pengeluaran caruman dalam CPF Singapura terhadap rakyat Malaysia dari Semenanjung telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan Perdana Menteri Singapura ke Malaysia pada 16 Februari 1998. Perdana Menteri Singapura pada masa itu telah menyatakan akan memberi pertimbangan ke atas permintaan Malaysia supaya rakyat Malaysia dari Semenanjung juga dibenar mengeluarkan caruman apabila meninggalkan negara tersebut walaupun belum mencapai umur 55 tahun, sama

seperti rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak dan pekerja asing lain. Tambalan pula, Menteri Sumber Manusia semasa mesyuarat Menteri-Menteri Sumber Manusia ASEAN pada 29-30 April 1998 di Hanoi telah membangkitkan perkara ini dengan Menteri Buruh Singapura.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini pihak Singapura telah mengaitkan isu ini dengan pakej bekalan air mentah dari Malaysia ke Singapura. Kerajaan Malaysia akan terus berunding dengan Singapura bagi menyelesaikan isu pengeluaran caruman ini.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kerajaan kita telah membuat satu keputusan iaitu semua majikan dikehendaki membayar EPF ataupun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pekerja-pekerja asing yang bekerja dengan mereka.

Soalan tambahan saya iaitu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, cara bagi majikan membayar EPF yang berkenaan itu dan juga bilakah pekerja-pekerja asing itu boleh memohon untuk mendapat balik EPF yang mereka bayar itu.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini sudah lari sedikit dari soalan asal. Walau bagaimanapun, saya cuba menjawabnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat hendak menjawabnya, sebab yang disoal itu EPF bukan CPF.

Dato' Wong See Wah: Boleh juga! Mulai daripada 1 Ogos 1998 pekerja asing selain daripada pembantu rumah asing diwajibkan menyumbang caruman KWSP sebanyak 11% atas upahnya. Manakala majikan akan hanya menyumbang caruman sebanyak RM5 seorang pekerja asing sahaja dan memang ini adalah berlainan dari pihak Singapura oleh kerana kita mencadangkan supaya pekerja

asing yang pulang secara muktamad ke negara asal mereka kelak akan dibenarkan mengeluarkan sepenuhnya dari caruman mereka.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan di atas pertolongan yang diberikan kepada warganegara kita yang berkenaan. Saya rasa salah satu sebab mengambil balik deposit CPF dari Singapura oleh warganegara kita ialah untuk membantu negara kita pada masa krisis kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, bagaimanakah kerajaan boleh memastikan deposit yang mengambil balik masuk sistem kewangan kita?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, deposit, saya minta ulang lagi, oleh kerana tidak berapa jelas tentang deposit iaitu deposit CPF atau deposit

Dr. Yap Yit Thong: CPF yang telah mengambil balik dari Singapura, macam mana kerajaan boleh memastikan wang ini memasuki sistem kewangan Malaysia?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham oleh kerana sistem itu memang tidak timbul, belum lagi oleh kerana dia tidak membenarkan kita mengeluarkan caruman CPF.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bila warganegara kita mengambil balik caruman dari CPF Singapura, macam mana kerajaan kita boleh memastikan wang yang diambil balik ini masuk ke dalam sistem kewangan Malaysia, ada kemungkinan warganegara kita hendak deposit caruman ini di Singapura, macam ini tidak boleh membantu negara kita.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya pulangan ataupun pengambilan balik pindahan caruman dari Singapura, oleh kerana pulangan caruman CPF itu memang kita mengamalkan Sistem Forex yang begitu

liberal, jadi kita tidak ada syarat-syarat yang tertentu yang memastikan supaya wang itu dimasukkan dalam sistem perbankan kita.

Walau bagaimanapun, kita memang menasihatkan rakyat kita Malaysia supaya memindahkan dan menyalurkan duit itu ke dalam sistem perbankan Malaysia untuk menjaga kepentingan negara kita.

IMPORT BAHAN MAKANAN - LANGKAH MENGURANGKAN

7. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh negara dalam masa setengah tahun pertama 1998, semenjak timbulnya kesedaran kerajaan dan rakyat bagi mengurangkan import bahan makanan dan menambah pengeluaran bahan-bahan tersebut di dalam negara sendiri. Sila jelaskan langkah-langkah yang telah berjaya diambil dan langkah-langkah seterusnya yang akan diambil untuk mengurangkan lagi pengaliran mata wang kita keluar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah wang mengimport bahan makanan adalah seperti berikut.

Sehingga bulan Mei 1998 jumlah import bahan makanan termasuk hasil pertanian untuk makanan ternakan dianggarkan sebanyak RM4,274,011.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah pun mengambil langkah-langkah yang dinamik dan proaktif dalam menggubal dasar dan strategi mengenai pengeluaran makanan. Di dalam hubungan ini, satu rangka kerja dan perancangan yang komprehensif telah disediakan. Tiga strategi utama telah diadakan dan akan dilaksanakan, iaitu:-

- (i) melalui peningkatan pengeluaran dan penggunaan produk-produk tempatan secara meluas;
- (ii) meneliti semula nilai permintaan dan bekalan bagi produk-produk pertanian yang diimport dan menggantikannya dengan produk yang boleh dikeluarkan secara tempatan, tertakluk

kepada faktor ekonomi, agroklimatik, dayamaju projek serta jenis pengeluaran yang bermusim; dan

- (iii) mendapatkan bekalan alternatif daripada sumber pembekal yang lebih murah bagi bahan makanan yang tidak boleh dikeluarkan dalam negara disebabkan faktor ekonomi ataupun agroklimatik.

Pelaksanaannya dibuat di dalam tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang dan melalui program-program berikut:-

- memperluaskan kawasan tanaman/pengeluaran;
- meningkatkan kualiti dan produktiviti;
- menggalakkan penglibatan dan pelaburan sektor swasta;
- meningkatkan kecekapan pemasaran;
- menggalakkan industri hiliran makanan;
- meningkatkan kecekapan pemindahan teknologi;
- menggalakkan orang awam dan institusi-institusi awam mengeluarkan makanan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pengeluaran hasil sayur-sayuran yang berlebihan kesan daripada kesedaran rakyat untuk mengurangkan bahan-bahan import telah mengakibatkan kejatuhan harga sayur-sayuran baru-baru ini khususnya di Perlis ataupun kejatuhan harga itu diakibatkan oleh lain-lain faktor?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat kejatuhan harga ditempat-tempat tertentu disebabkan oleh sistem pengawasan yang melibatkan tahap pengeluaran sesebuah negeri

Dalam perkara ini saya ingat bahawa kerajaan sedang mencuba mengaturkan sistem pengawasan yang lebih canggih lagi dengan mengalihkan dari kawasan yang berlebihan kepada kawasan yang kekurangan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan dasar dan strategi serta pendekatan kementerian tadi, bahan-bahan makanan manakah yang didapati berkesan atas strategi dan pendekatan kementerian yang kurang diimport dan bahan-bahan manakah yang menambah pengeluarannya dan kejatuhan harga sayur di Perlis baru-baru ini adakah disebabkan oleh pengeluaran yang berlebihan ataupun kemasukan sayur-sayuran dari Thailand yang banyak dan murah?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang telah didapati bahawasanya kempen kita telah berjalan dengan baik dan kerajaan telah menggalakkan orang ramai memakan makanan tempatan. Mengikut statistik yang didapati terdapat penurunan permintaan bahan-bahan dari luar negeri dengan begitu banyaknya (significant) dan peraturan ini telah membuatkan kita amat gembira sekali. Dalam segi ini, pihak kerajaan telah menumpukan kepada bahan-bahan seperti daging, kita boleh mengeluarkan dalam negara kita sendiri dan pihak FELDA dan RISDA telah digalakkan ataupun diarahkan untuk memperbanyakkan lagi bahan peliharaan lembu untuk daging.

Soalan yang kedua itu, saya tidak pasti sama ada penurunan harga sayuran di Perlis adakah disebabkan oleh kemasukan sayur-sayuran dari Thailand tetapi satu faktornya adalah disebabkan oleh sistem pengawasan yang tidak begitu baik, misalnya kita di Kuala Lumpur ini harga barangan mahal dan terpaksa kita mengadakan satu sistem yang boleh membawakan dari tempat yang murah ke tempat yang mahal.

**'LEGAL FRAMEWORK ELECTRONIC COMMERCE'
AMERIKA SYARIKAT - PENDIRIAN**

8. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) apakah pendirian Malaysia terhadap "Legal Framework Electronic Commerce" yang telah diumumkan oleh Amerika Syarikat pada bulan Julai 1997; dan
- (b) apakah perancangan kita dalam membangunkan sektor ini dan bagaimana kita menyelaraskan bidang tugas beberapa kementerian yang ada kaitan dengan perdagangan elektronik ini seperti kementerian beliau, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun mengkaji dengan teliti implikasi-implikasi rangka kerja *E-Commerce* yang telah diumumkan oleh Amerika Syarikat termasuk kesan ekonomi/kewangan, teknologi, budaya dan kesediaan rakyat. Walaupun belum ada kenyataan rasmi dibuat, pendirian Kerajaan Malaysia ialah kerajaan perlu bertindak dengan lebih aktif dalam pembangunan *Electronic Commerce* dan oleh itu mempunyai peranan yang lebih besar berbanding dengan peranan kerajaan yang dinyatakan dalam rangka kerja *E-Commerce* Amerika Syarikat.

Mengenai isu-isu dasar yang dicadangkan dalam rangka kerja Amerika Syarikat umpamanya, cadangan bahawa 'Internet be declared a tariff-free environment', ianya sedang dikaji dengan teliti dari segi implikasi-implikasi tertentu dan akan dibincang dalam Jawatankuasa Kebangsaan Electronic Commerce yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara sedikit masa lagi.

- (b) Dari segi perancangan dan penyelarasan dalam pembangunan sektor ini, kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Electronic Commerce (National Electronic Commerce Committee (NECC)) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Ahli-ahli NECC terdiri daripada wakil-wakil agensi-agensi kerajaan dan swasta termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. NECC ditubuhkan untuk memastikan usaha-usaha pembangunan dan promosi perdagangan elektronik (*E-Commerce*) dirancang dan dilaksanakan secara terselaras, tertumpu, dinamik dan *outcome driven*. Selaras dengan objektif ini, satu rangka kerja *E-Commerce* sedang disediakan dan akan dibincang oleh NECC sedikit masa lagi.

NECC dibantu oleh dua jawatankuasa kerja iaitu Jawatankuasa Perdagangan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Jawatankuasa Infrastruktur yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Jawatankuasa Perdagangan mempunyai matlamat memudah dan mempergiatkan pembangunan dan pelaksanaan perdagangan elektronik dalam perdagangan dan industri.

Jawatankuasa Infrastruktur ditubuhkan untuk memastikan terdapat kemudahan dan asas infrastruktur yang

cukup, berkualiti, selesa dan affordable untuk membangun dan menggalakkan pembangunan *E-Commerce*.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan potensi *E-Commerce* di Malaysia dalam ringgit Malaysia pada tahun ini hingga tahun 2000 dan juga apa langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh kementerian Yang Berhormat untuk menyedarkan para peniaga potensi bidang ini supaya rakyat negara kita tidak ketinggalan untuk merebut peluang dalam bidang ini.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mempromosikan perdagangan elektronik (*E-Commerce*) terdapat juga banyak syarikat dari pihak swasta, misal kata IBM dan sebagainya telah pun juga menubuhkan task force masing-masing untuk mengkaji secara mendalam tentang pelaksanaan electronic commerce ini.

Selain dari itu, terdapat juga usaha-usaha telah pun dijalankan oleh pihak-pihak NGO seperti MCA telah pun melancarkan satu kempen dan satu siri road-show di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran antara golongan peniaga dalam *E-Commerce* ini.

Sungguhpun negara kita baru mula menceburi dalam bidang *E-Commerce* ini, tetapi potensinya memang sangat besar dan ia sedang berkembang dengan satu tahap yang begitu memuaskan dan menggalakkan. Misal kata dalam tahun lepas, jumlah transaksi yang dijalankan secara elektronik dalam negara kita ialah RM16 juta bagi tahun lepas. Tahun ini dijangka akan sampai RM80 juta, manakala tahun depan (tahun 1999) ia akan sampai RM400 juta dan bila tibanya tahun 2000 ia akan sampai RM1,372 juta ataupun RM1.37 bilion dalam negara kita, manakala tahun 2001 ia akan sampai RM4.23 bilion, memang potensinya amat besar sekali.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri juga mengambil langkah untuk mempopularkan penggunaan *E-Commerce*, saya mengucapkan tahniah. Dalam usaha ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini apa masalahnya yang dihadapi dalam usaha untuk menggalakkan lebih ramai pengguna untuk menggunakan *E-Commerce* untuk meningkatkan perniagaan mereka, apa masalah dan apa langkah-langkah untuk mengatasinya?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang kita hadapi sekarang ialah tentang kesedaran antara golongan peniaga di Malaysia mengenai manfaat yang boleh dapat kita menikmati daripada *E-Commerce* ini. Misalan kata, setakat ini sudah banyak cyber mall sudah pun diwujudkan di Malaysia seperti absolute online, bees wipe, Mall of Malaysia (MOM) dan sebagainya, tetapi nampaknya belum dapat cukup banyak daripada peniaga untuk respond kepada semua cyber mall yang dikatakan ini.

Maka satu masalah yang utama ialah bagaimana kita hendak meningkatkan kesedaran antara golongan peniaga dalam Malaysia ini.

Masalah-masalah dan isu-isu yang lain yang selalu dibangkitkan dan harus kita menangani termasuk soal keselamatan, betapa selamatnya kalau sekiranya kita menjalankan perdagangan melalui Internet, soal keselamatan ini selalu ditanya. Satu lagi ialah piawaian teknikal, perlindungan data peribadi, kandungan (contents), masalah perundangan yang selalu dihadapi.

Maka untuk menangani kesemua masalah ini, jawatankuasa yang dipengerusikan oleh kementerian saya iaitu Jawatankuasa Infrastruktur Perdagangan Elektronik telah pun menubuhkan beberapa kumpulan kerja untuk meneliti satu demi satu masalah yang saya sebutkan tadi daripada soal keselamatan hingga kepada masalah perundangan dan kesemua golongan kerja ini ataupun

kumpulan kerja ini selepas menjalankan penelitian, mereka akan mengemukakan cadangan dan syor kepada pihak kerajaan supaya dapat kita menjalankan usaha untuk menangani segala masalah yang ada kaitan dengan perdagangan elektronik.

**SEKTOR RUKUN TETANGGA SETIAP KAMPUNG
PERUNTUKAN BAGI JABATAN PERPADUAN NEGARA**

9. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah kementerian sedar peruntukan yang disalurkan ke Jabatan Perpaduan Negara di setiap negeri terlampau amat kecil berbanding dengan masalah yang hendak ditangani oleh pihak jabatan di peringkat negeri; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan Sektor Rukun Tetangga di setiap kampung, memandangkan gejala sosial tidak sahaja berlaku di kota atau di bandar sahaja.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) untuk makluman Yang Berhormat dari Tanah Merah, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang sedar peruntukan yang disalurkan ke Jabatan Perpaduan Negeri-negeri adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah program dan aktiviti yang perlu dilaksanakan;
- (b) pada dasarnya, kementerian telah memutuskan bahawa Sektor Rukun Tetangga boleh ditubuhkan di mana-mana kawasan kediaman sama ada di bandar mahupun di luar bandar termasuk di kawasan-kawasan yang penduduknya terdiri daripada satu kaum sahaja. Keputusan ini dibuat selaras dengan peranan tambahan yang diberi kepada Sektor Rukun Tetangga untuk menangani isu sosial di samping peranannya yang sedia ada.

Sungguhpun demikian, penubuhan Rukun Tetangga perlu dikaji dengan teliti dan dari segi kesesuaian tempat dan kesan penubuhannya di samping peruntukan Jabatan Perpaduan Negara yang terhad.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa peruntukan yang dibahagi kepada jabatan di peringkat negeri adalah kurang. Jadi aktiviti-aktiviti sosial yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara akan kurang. Maka apakah caranya untuk mengatasi masalah ini supaya banyak aktiviti akan dapat dijalankan supaya perpaduan dapat diwujudkan lebih berhati-hati lagi pada masa yang akan datang.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat tadi iaitu dalam masa yang akan datang memang akan diadakan aktiviti-aktiviti yang telah diperuntukkan untuk Rukun Tetangga. Oleh kerana itu hingga bulan Mei aktiviti yang telah dijalankan ialah merangkumi jenis seperti sukan kanak-kanak, pertandingan bola sepak, rekreasi, lawatan sosial, perjumpaan penduduk, kebajikan hari keluarga, sambutan hari lahir dan majlis sumbangan hadiah. Ini ialah separuh daripada aktiviti-aktiviti yang disebut oleh Yang Berhormat. Memang Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan terus menjalankan aktiviti sungguhpun peruntukan pada tahun ini dikurangkan RM400 sebulan kepada RM300 sebulan.

*[Soalan No. 10 - Y.B. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar)
tidak hadir]*

**PENGURUSAN PENJARA -
LANGKAH UNTUK MENGATASI MASALAH**

11. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah penjara di seluruh negara mengikut pecahan negeri; dan
- (b) berapa jumlah yang terpaksa menampung banduan melebihi kemampuannya dan apakah masalah yang dihadapi di dalam pengurusan penjara tersebut dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan penjara di seluruh negara ialah 33 buah dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

- (a) Sabah - 6 buah;
- (b) Sarawak - 5 buah;
- (c) Johor - 4 buah;
- (d) Perak - 4 buah;
- (e) Selangor - 3 buah;
- (f) Melaka - 3 buah;
- (g) Negeri Sembilan - 2 buah;
- (h) Kedah - 2 buah;
- (i) Terengganu - 1 buah;
- (j) Pahang - 1 buah; dan
- (k) Kelantan - 1 buah.

Berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara pada 4 Julai 1998 sejumlah 23 buah penjara sedang menampung jumlah yang melebihi muatan selesanya. Muatan yang melebihi muatan selesa ini telah menimbulkan masalah terutamanya peningkatan beban kerja kepada kakitangan penjara. Bagi mengatasi masalah ini beberapa langkah telah pun diambil dan di antaranya ialah memindahkan banduan-banduan daripada penjara yang melebihi muatan selesa ke penjara lain yang kurang muatannya. Mempercepatkan proses perbicaraan, mempercepatkan proses

pengusiran banduan warga asing dan juga membina beberapa buah penjara baru menggantikan penjara yang lama.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh keluarga banduan seperti anak isteri yang terpaksa memikul bebanan tanpa kesalahan yang dilakukan oleh mereka tetapi dengan sebab kesalahan yang dilakukan oleh orang lain? Adakah kerajaan berpendapat perlu juga diperbanyakkan hukuman yang lain daripada penjara seperti deraan yang berbentuk sebat dan sebagainya bagi mengurangkan kos perbelanjaan membina penjara yang semata-mata untuk kepentingan penjenayah-penjenayah?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi seseorang yang melakukan kesalahan hukuman yang setimpal mesti dikenakan tidak kira apakah latar belakangnya. Itu adalah satu prinsip perundangan di negara kita. Walau bagaimanapun masalah yang lain seperti masalah yang dihadapi oleh ahli-ahli keluarga ini adalah satu masalah masyarakat yang kita sama-sama bantu. Mungkin lain-lain jabatan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga badan-badan amal yang lain termasuk wakil-wakil rakyat boleh membantu sekiranya ada keluarga yang tidak bersalah tetapi terpaksa menanggung beban keluarga. Ini adalah masalah sosial yang lain. Bagi gantian kepada hukuman penjara ini memang kerajaan sedang memikirkan apakah cara yang sesuai dapat kita gantikan sebahagian daripada tempoh tahanannya dengan hukuman yang lain. Ini masih di peringkat kajian dan perbincangan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan banduan yang terdapat sekarang dan yang terdiri daripada pendatang tanpa izin dan juga yang berkaitan dengan penagih atau pengedar dadah. Berapa buah penjara lagikah yang diperlukan untuk menampung

semua ini kerana penjara yang ada berkurangan berbanding dengan jumlah banduan itu adalah lebih daripada kapasiti penjara-penjara sekarang ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apakah dengan kegawatan ekonomi ini yang boleh dibuat oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah yang begitu serius?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada banyak soalan dalam soalan tambahan tetapi saya cuba seboleh-bolehnya jawab apa yang saya telah kumpulkan. Jumlah bilangan banduan yang berada di semua 33 buah penjara pada setakat minggu lepas iaitu pertengahan bulan Julai adalah 26,675 orang dan menjelang minggu pertama jumlah bilangan banduan warga asing adalah 5,719 orang. Jumlah seramai 5,719 orang ini kita cuba hendak usir tetapi ianya tertakluk kepada perbicaraan mahkamah.

Bagi jumlah bilangan yang ada kaitan dengan dadah - banduan maknanya mereka menagih, dia masuk bukan kerana menagih tetapi kerana melakukan kesalahan yang lain dan kebetulan dia menagih ataupun dia masuk penjara kerana mengedar dadah. Jumlah lebih kurang 40% daripada bilangan banduan ini adalah berkaitan dengan dadah. Itu selalu saya tekankan dan kalau tidak ada masalah dadah, masalah jenayah dan pihak penjarapun boleh dikatakan selesa. Mungkin sudah kurang 40% banduan. Berapa buah lagi - ini susah untuk kita pastikan berapa buah kerana dasar strategi sekarang ialah semua penjara berpusat di pusat bandar sudah tidak sesuai lagi tempat itu. Maka, kita fikir buat satu buah penjara lebih besar, lebih moden dan lebih sesuai. Sebagai satu contoh Penjara Sungai Buluh digantikan dengan Penjara Pudu. Itu konsepnya.

Apabila kita ada penjara baru muatannya adalah lebih daripada penjara yang sedia ada. Jadi, tidak boleh kita katakan berapa buah penjara sebab setiap penjara muatannya adalah lebih. Ini masih dalam perancangan pihak Ibu Pejabat Penjara.

Dari segi kegawatan ekonomi apa-apa yang kerajaan galakkan di luar penjara juga galakkan berlaku di dalam penjara seperti galakkan orang tanam sayur-sayuran dan berdikari. Banduan juga seperti itu. Di mana-mana ada tanah lapang di penjara mereka akan tanam sayur dan makan sayur tersebut. Jadi, kegiatan yang dilakukan di luar penjara mahupun di dalam penjara adalah sama kita galakkan.

[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran) tidak hadir]

KUTIPAN PLAZA TOL - PERBELANJAAN INFLASI DAN BEBAN KEWANGAN

13. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa banyak plaza tol telah diwujudkan di seluruh negara dan apakah kadar yang dikenakan. Sila nyatakan jumlah kutipan tiap-tiap plaza tol ini (hitung panjang), dan adakah ianya menyumbang kepada perbelanjaan inflasi di dalam negara di samping menjadi beban kewangan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan plaza tol yang diwujudkan sekarang di seluruh negara bagi 11 projek lebuhraya penswastan yang sedang beroperasi sekarang ialah sebanyak 91 buah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kadar tol serta purata hasil kutipan tol tahun 1997 bagi setiap plaza tol mengikut secara konsesi adalah seperti berikut:

Purata Pendapatan Bulanan Dikutip oleh Plaza Tol

Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)

- Plaza Tol 65 buah - RM1.29 juta

Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Selatan Tengah (ELITE) -

- Plaza Tol 5 buah - RM330,000

Lebuhraya Shah Alam (KESAS) -

- Plaza Tol Awam Besar Barat dan Timur - RM1.83 juta
- Plaza Tol Sunway - RM1.92 juta
- Plaza Tol Kemuning yang dibuka pada bulan April 1998 - RM700,000

Lebuhraya Hubungan Kedua Malaysia -Singapura (Linkedua) -

- Plaza Tol Tanjung Kupang - RM1,580,000
- Plaza Tol Lima Kedai - RM305,000
- Plaza Tol Perling - RM274,000

Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (MTD Prime Sdn. Bhd) -

- Plaza Tol Gombak - RM1.61 juta
- Plaza Tol Bentong - RM301,000

Lebuhraya Kulim-Butterworth (KLBK Sdn. Bhd) -

- Plaza Tol Kubang Semang - RM470,000
- Plaza Tol Lunas - RM420,000

Lebuhraya Seremban-Port Dickson (Melewar Consortium Sdn. Bhd) -

- Plaza Tol Mambau - RM720,000
- Plaza Tol Lukut - RM80,000

Lebuhraya Jambatan Pulau Pinang

- Jambatan Pulau Pinang - RM9 juta

Lebuhraya Jalan Bertol Dalam Kawasan Bandaraya Kuala Lumpur (Metramac Corporation) -

- Plaza Tol A (Jalan Pahang) - RM702,000

- Plaza Tol B (Jalan Cheras) Selatan - RM2,000
- Plaza Tol Hala Utara - RM645,000
- Plaza Tol Road C (East West Link) - Hala Petaling Jaya - RM463,000
- Plaza Tol Hala Cheras - RM555,000
- Plaza Tol Road D (Jalan Sungai Besi) - RM2,110,000

Lebuhraya Jalan Kuching (Kamunting Corporation) -

- Plaza Tol Jalan Kuching Kamunting Corporation - RM2,100,000

Lebuhraya Jalan Pintas Selat Klang Utara (Shahpadu Sdn. Bhd) -

- Plaza Tol Bandar Sultan Sulaiman - RM330,000

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang amat prihatin terhadap impak kegawatan ekonomi terhadap kedudukan kewangan rakyat pada masa kini. Tidak dapat dinafikan bahawa negara kita sedang menghadapi keadaan inflasi yang telah merosotkan kuasa membeli para pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan inflasi di negara kita masih dalam keadaan yang terkawal dan kita masih mempunyai pilihan jika tidak mahu menggunakan jalan tol kita boleh menggunakan jalan alternatif. Sebenarnya bayaran tol hanya merupakan satu daripada kumpulan yang kecil dalam item pengangkutan dan perhubungan. Walaupun demikian, pihak kerajaan telah menanggukkan sebarang kenaikan kadar tol bagi beberapa lebuhraya seperti Lebuhraya Utara - Selatan dan Lebuhraya Utara - Selatan Hubungan Tengah yang mana sepatutnya dinaikkan pada 1 Januari 1998. Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar kutipan tol yang telah dibuat oleh syarikat-syarikat yang telah diswastakan jalan-jalan tersebut. Pertamanya, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat adakah pihak kementerian berpuashati dengan penyelenggaraan lebuhraya-lebuhraya dan tempat-tempat rehat kerana apabila rakyat membayar tol mereka memerlukan perkhidmatan yang baik. Kalau kita tengok di tempat-tempat rehat sekarang ini penyelenggaraannya amat teruk dan perlu dipertingkatkan. Jadi adakah pihak kementerian mengenal pasti bahawa terdapat juga jalan raya-jalan raya yang tidak begitu selamat kerana apabila hujan lebat takungan air berlaku dikebanyakan tempat dan ini menyebabkan kemalangan. Jadi apakah tindakan kementerian untuk menasihati ataupun mengambil tindakan supaya syarikat-syarikat ini menyelenggara lebuhraya-lebuhraya yang diswastakan dengan sebaiknya daripada hasil kutipan tol ini. Terima kasih.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya memang sentiasa mengadakan perundingan dengan pihak swasta ataupun lain-lain syarikat konsesinya yang bertanggungjawab berkenaan jalan-jalan di bawah jagaan mereka. Kita sentiasa menerima aduan daripada orang ramai berhubung dengan keadaan jalan dan sebagainya. Memangnya hasrat kita kalau boleh supaya jangan ada sebarang perkara-perkara yang memudaratkan sama ada waktu hujan ataupun waktu kering. Soal puas hati, kita memang puas hati setakat ini. Kalau boleh kita cuba hendak memperbaiki seberapa yang lebih lagi supaya semua perkhidmatan sama ada tempat rehat, jalan raya, tepi jalan dan sebagainya. Kita sentiasa adakan perundingan untuk mengetahui perkhidmatan yang ada sekarang ini. Terima kasih.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya

hendak bertanya berhubung kait dengan kemalangan-kemalangan yang berlaku di lebuhraya yang dikendalikan oleh PLUS dan sebagainya. Adakah pihak kementerian mempunyai statistik yang melibatkan soal kemalangan maut dan juga kemalangan yang terlibat di sepanjang lebuhraya berkenaan dan mengenal pasti tempat yang berbahaya? Apakah langkah-langkah kementerian melalui PLUS dan sebagainya untuk mengatasi masalah ini dan sebagaimana yang kita tahu Lebuhraya PLUS telah mengorbankan banyak nyawa oleh kerana kemalangan dan ada di antara ahli-ahli Dewan kita yang terlibat di dalam kemalangan ini dan mengalami kerugian dan sebagainya oleh kerana keadaan jalan yang tidak begitu selamat digunakan.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kita menerima laporan daripada pihak PLUS setiap 3 bulan sekali iaitu berhubung dengan perkembangan berlakunya sebarang kemalangan di jalan raya. Malangnya saya tidak ada rekod pada hari ini dan kalau Yang Berhormat hendak saya boleh beri dalam masa sehari - dua. Ini memang ada dan dalam laporan yang diberi kita tahu di mana kita sentiasa berunding dengan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Highway Planning Unit yang ada di kementerian untuk membaiki keadaan. Saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa perkara ini sememangnya dalam perhatian kita dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Masa sudah suntuk bagi sesi soal jawab.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,3,10,12 dan 14 hingga 68 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA 1998**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[22 Julai 1998]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN

(1998) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua

3.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa

rang undang-undang bernama suatu akta untuk menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998.....

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti sekejap, Yang Berhormat. Ya, Tanjong yang keberapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan mesyuarat. Ada di sini mengenainya. Order of business. Perkara yang hendak ditimbulkan di sini ialah saya baru dapat bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan akan dibahas hari ini. Mengikut peraturan semalam selepas Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 ialah Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara. Memang saya terima adalah hak untuk kerajaan menyusun 'order' aturan mesyuarat tetapi sekurang-kurangnya saya rasa semacam satu rang undang-undang yang begitu mustahak khasnya mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam satu masa krisis ekonomi. Ini bukanlah satu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang biasa. Sepatutnyalah notis yang cukup diberi kepada semua Ahli Parlimen dan bukan seperti hari ini saya rasa ramai yang caught in surprised. Saya tidak tahu sama ada bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh setuju supaya sekurang-kurangnya satu hari notis diberi bahawa dia akan dibahas dan dibacakan kali yang kedua pada hari Isnin supaya kita semua ada cukup masa untuk ambil bahagian dalam Rang Undang-undang

Perbekalan Tambahan. Saya tidak tahu adakah ini disetujui atau tidak. Ini bukan we taken by surprised. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu pun bukan tidak pernah berlaku dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun sekarang ini kita menghadapi kegawatan ekonomi seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Saya rasa ini pun tertakluk kepada kehendak kementerian yang berkenaan. Ini pun pernah juga dilakukan dahulu. Walaupun demikian saya tetap mengambil kira apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong supaya lebih masa akan dapat diberikan kepada Ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengkaji sedalam-dalamnya sebelum perbahasan berlangsung. Walaupun demikian, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada sebarang pandangan alternatif ataupun sebaliknya. Setahu saya ini diminta oleh Kementerian Kewangan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa elok diteruskan oleh kerana bill telah pun dihantar kepada semua Ahli Yang Berhormat awal lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Baiklah, Yang Berhormat teruskan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi

menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan jumlah RM400 juta dikeluarkan dari Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan 1998 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 1998 adalah berjumlah RM400 juta. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini. Peruntukan tambahan sebanyak RM400 juta yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut adalah bagi Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM300 juta untuk membiayai pemberian kepada Tabung Makanan; dan
- (ii) sebanyak RM100 juta untuk membiayai subsidi bahan-bahan petrolium.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1998 ada seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18, Tahun 1998 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18A, Tahun 1998.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1998 adalah berjumlah RM1,420,045,630 iaitu sebanyak RM469,498,630 perbelanjaan secara langsung dan sebanyak RM950,577,000 perbelanjaan pinjaman. Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi kementerian dan jabatan seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM915.9 juta di bawah Maksud P.28, Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

- (i) sebanyak RM653.5 juta adalah untuk membiayai tambahan pegangan ekuiti kerajaan dalam Cyberview Sdn. Bhd. bagi pembangunan Cyberjaya;
- (ii) sebanyak RM200 juta untuk membiayai sebahagian ekuiti kerajaan dalam Syarikat Pengurusan Danaharta Nasional Berhad;
- (iii) sebanyak RM35 juta sebagai pinjaman kepada Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. (CTRM) untuk menampung peningkatan kos operasi; dan
- (iv) sebanyak RM27.4 juta untuk bayaran interim kedua dan kerja-kerja river diversion tunnel bagi mengambil alih Projek Hidro Elektrik Bakun.

Tambahan sebanyak RM296.3 juta di bawah Maksud P.49, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menampung perbelanjaan yang telah dibuat oleh Lembaga Letrik Sabah bagi projek pembangunan untuk meningkatkan kapasiti bekalan elektrik di Sabah.

Tambahan sebanyak RM101.8 juta di bawah Maksud P.47, Kementerian Pengangkutan sebagai pinjaman kepada syarikat Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. (STAR) di bawah projek LRT Sistem I Fasa II.

Tambahan sebanyak RM100 juta di bawah Maksud P.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebagai pinjaman yang membantu golongan rakyat termiskin di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Tambahan sebanyak RM50 juta di bawah Maksud P.50, Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai pinjaman untuk tabung usahawan kecil untuk pinjaman modal kepada penjaja dan juga peniaga.

Tambahan yang lain merupakan peruntukan tanda RM30 bagi Maksud P.7, Jabatan Perdana Menteri.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1998 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah, Tahun 1998 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19A, Tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1998 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 1998

Dato' Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu bilion empat ratus dua puluh juta, empat puluh lima ribu, enam ratus tiga puluh (RM1,420,045,630) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.”

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

3.50 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Saya berdiri untuk memprotes sekeras-kerasnya.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Protes lagi!

Tuan Lim Kit Siang:....mengenai satu perkara yang tidak patut berlaku. Kita boleh perbezaan pandangan, tetapi mengenai certain procedure memberi notis, memberitahu supaya ahli Parlimen tidak, dengan izin, taken by surprise supaya ada satu perbahasan yang mendalam, bukan untuk kita sendiri, tetapi untuk kebaikan negara, kebaikan rakyat boleh diadakan. Selama 29 tahun dalam Parlimen tidak pernah perkara semacam ini berlaku, di mana saya masuk di sini caught by surprise. Kenapa satu pemberitahu tidak boleh diberi. Ini bukan satu perbahasan mengenai perbekalan tambahan yang biasa. Ini sebenarnya satu Rang Undang-undang Perbekalan yang khas di mana akan menambahkan peruntukan-peruntukan selepas pihak kerajaan mengumumkan potongan 18% daripada Budget untuk menghadapi krisis ekonomi. Tetapi sekarang kerajaan sudah u-turn. Kita perlulah satu perbahasan yang mendalam khasnya oleh kerana....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Tidak apalah, oleh kerana...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mengapalah, buang masa. Oleh kerana selepas satu tahun...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak beri chancekah.

Tuan Lim Kit Siang: Buang masa, duduk!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini you cakap pun buang masa juga.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada dignity, tidak ada maruah di mana oleh kerana apa yang berlaku masih boleh bermain-mainkan. Ada sikap main-mainkan, tidak ada maruah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa tidak ada maruah. 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat. Jangan tawar-menawar. Ada Peraturan Mesyuarat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada. 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: 36(4).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sangkaan jahat. Dia kata saya buang masa, saya membazir, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya akan buat keputusan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bahas sampai hari Isnin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Saya akan buat keputusan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa yang bising hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia tidak faham, duduk 29 tahun pun tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa apa yang dibangkitkan itu 36(4) tidak tepat. Itu sepatutnya perkataan unparliamentary, bukan sangkaan jahat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya kira samalah, Tuan Yang di-Pertua, fasal dia kata saya buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Dalam pada itu saya suka hendak menasihatkan...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Serupalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti. Saya hendak menasihatkan Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat boleh protest, tetapi perkataan umpamanya 'tidak ada maruah' dan sebagainya janganlah digunakan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia ada maruah, dia tidak ada dignity.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Eh! Tanjong jangan kurang ajarlah, you KOKS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, perkataan 'kurang ajar' itu pun unparliamentary, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah standard.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Janganlah...

Tuan Lim Kit Siang: Kita menghadapi satu keadaan yang begitu serius tetapi ada orang yang mahu mainkan.

Selepas satu tahun krisis ekonomi, sungguhpun pada bulan Januari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata dalam enam bulan bolehlah pemulihan ekonomi. Economic recovery boleh diadakan tempoh masa enam bulan. Tetapi sekarang tengok, enam bulan itu sudah habis, keadaan ekonomi lebih rumit. Kita belum boleh lihat, dengan izin, light at the end of the tunnel. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam dua-tiga hari dahulu kata mungkin tahun akhir kita boleh lihat light at the end of the tunnel. Tetapi bulan Januari Perdana Menteri kata enam bulan, tengah tahun ini boleh adakan economic recovery. Sungguhpun Presiden MCA, Menteri Pengangkutan kata dalam tiga bulan boleh economic recovery. Itu lebih dahsyat, dalam tiga bulan boleh economic recovery sebelum bulan April. Mana? Apa economic recovery. Tunnel lebih gelap, lebih dalam.

Kita perlu bincang, kenapa. Sebab itu kita patutlah hormat masa, tradisi, konvensyen Parlimen, bukan spring a surprise. Kerajaan ada hak untuk spring a surprise. Tetapi bagaimana boleh buat begitu kalau satu kerajaan yang ada maruah,

yang hormat konvensyen, yang hormat tradisi Parlimen, tidak patut buat begitu, khasnya satu kerajaan yang mahu rakyat bekerjasama dengan kerajaan supaya ada satu pasukan untuk menghadapi, untuk mengendali krisis ekonomi, mana boleh main. Dirty trick, cheap trick semacam ini! Inilah cheap Parliamentary trick.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yan bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri jalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa fasal tidak beri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada hak untuk terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Itu hak dia sama ada hendak beri atau tidak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak beri sudahlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Hari ini, tadi kita dapati bahawa Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas ada mengumumkan six pronge strategy untuk menyelamatkan ekonomi kita. Six pronge strategy, Minister with Special Function. Saya tidak tahu apa itu six pronge strategy. Adakah itu satu strategi yang berbeza daripada strategi yang ada diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, another package, dua berlawanan. Sepatutnya tempat di mana Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas untuk mengumumkan strategi yang baru, six pronge strategy ialah dalam Dewan yang mulia ini, dalam masa sekarang apabila membentangkan Supplymentary Supply. Kalau dia mahu bentang mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beri jalan kepada Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas untuk datang ke Dewan ini to present the six pronge strategy untuk selamatkan ekonomi. Kenapa di luar Dewan, tidak hormat Dewan, tidak hormat

Parlimen atau dia special minister dengan special functions tanpa bertanggungjawab kepada Parlimen. Apa ertinya ini?

Adakah six pronged strategy itu tanpa perlu perbincangan dan kelulusan Dewan yang mulia ini. Saya rasa ini sangat tidak betul. Apa guna kita bahas di sini. Saya tidak tahu apa six pronged strategy. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu Dewan ini, bolehkah berdiri. Mungkin dia tahu, mungkin Kementerian Kewangan pun tidak tahu. Ada dua menteri, all on their separate direction. Apa yang berlaku dalam negara kita?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, boleh?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Apa ini.

Tuan Lim Kit Siang: No standard.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*
[Berjalan keluar dari Dewan]

Tuan Lim Kit Siang: Ini prinsip Parlimen. Parliamentary principle accountability kepada Parlimen yang akhirnya – apa yang berlaku hari ini dalam Dewan, spring a surprise, tidak ada masa untuk semua ahli Parlimen buat persiapan yang cukup untuk membahaskan a major, satu perbincangan yang perdana mengenai kegawatan ekonomi, tidak diberi. Tetapi di luar Dewan ada seorang menteri yang mengumumkan satu strategi economic recovery untuk Malaysia. Kita tidak tahu apa itu. Ia tidak pernah berlaku dalam sistem parliamentary democracy dan tidak patut berlaku dalam sistem parliamentary democracy di mana ada satu pengumuman yang mustahak dibuat di luar Dewan, semasa kita mahu ada perbincangan Perbekalan Tambahan. This contempt of Parliament. Apa Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas buat ialah contempt of Parliament.

Kalau dia rela contempt of Parliament, bagaimana beliau boleh dapat menyatupadukan rakyat, bagaimana boleh dapat memulihkan keyakinan. Itulah

pokok keyakinan. Satu tahun kita tidak boleh mengadakan apa-apa kemajuan untuk menangani krisis ekonomi ialah oleh kerana tindak-tanduk kerajaan tidak boleh memulihkan keyakinan semacam apa yang berlaku hari ini di luar Dewan. Boleh lagi merosotkan, 'erode', menghakiskan keyakinan.

Apa yang berlaku dalam Kuala Lumpur Stock Exchange hari ini sebelah pagi, saya tidak tahu sebelah petang. Pagi tadi sudah jatuh sehingga lowest point dalam krisis ekonomi 12 bulan ini, 411 point mungkin kalau tidak silap. Saya tidak tahu apa prestasi sebelah petang. Kenapa? Kalau itulah sikap kerajaan contempt Parliament, contempt rakyat. Tidak hairan KLSE jatuh lebih rendah daripada 400 point, masuk kepada 300 point level. Kenapa? Oleh kerana kerajaan tidak hirau, don't care apa rakyat fikir. Itulah sikap Malaysia Institute of Economic Research (MIER) dua hari lalu, baru buat pengumuman mengenai anggaran terkini, mengenai projeksi pertumbuhan ekonomi tahun ini bahawa untuk tahun ini MIER estimate negatif 2.8% growth. Lebih rendah sekali daripada apa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyampaikan, mengutarakan dalam Dewan yang mulia ini, pada awal persidangan Parlimen ini, ialah antara -1 to -2 point percent of growth.

Tetapi MIER satu think-tang kerajaan, kita tahu think-tang kerajaan pun lebih konservatif daripada kerajaan keluar satu estimate -2.8 point. Kita tahu bahawa ada estimate di tahun ini economic growth boleh sampai seburuk -4% to -5%. Bagaimana kita stand the tide erosion confident, kehakisan kepercayaan berhenti daripada tindak-tanduk kerajaan, cakap-cakap boleh dapat kepercayaan dan keyakinan rakyat Malaysia dan pelabur-pelabur sama ada tempatan atau antarabangsa. Kenapa kita tidak boleh terima? Inilah cabaran yang terbesar yang dihadapi oleh negara kita kalau kita mahu mengadakan satu economic turn around dan recovery yang cepat.

Inilah apa yang saya sebut sebagai denial syndrome, masih denial syndrome. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata ini 'burung kakaktua' mengenai denial syndrome. Pihak Barat cakap denial syndrome, Ketua Pembangkang pun ikut selepas dua saat kemudian pun kata 'denial syndrome'. Di dalam Dewan ini, tahun lalu saya sudah kata denial syndrome masalah besar, bukan sekarang. Saya kata tahun lalu, Oktober, November, Disember, boleh rujuk kepada *Hansard*. Kita masih tidak mahu mengakui, masih mahu menyalahkan faktor-faktor luar, Soros, semua dari luar. Dari dalam tidak ada masalah. Kalau kita tidak mahu mengakui bahawa kelemahan dasar, kelemahan sistem, kelemahan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan antara sebab yang utama yang menyebabkan kehilangan kepercayaan, kitalah bertanggungjawab untuk merosakkan peluang dalam masa sesingkatnya untuk pemulihan ekonomi.

Oleh kerana mass media khasnya sekarang dengan beberapa ucapan khasnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas yang memberi amaran kepada mass media bahawa jangan ada negatif reporting. Bererti kalau ini diikuti, defisit maklumat atau information hole akan jadi lebih besar. Lubang ini jadi lebih besar, bukan lebih kecil, bukan untuk selesai. Akhirnya, kepercayaan lebih hilang, dan mangsa-mangsa sikap denial syndrome ini ialah rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia jadi mangsa oleh kerana negara kita tidak boleh memulihkan ekonomi yang sepatutnya boleh dibuat, tetapi oleh kerana denial syndrome atasan.

Apa denial syndrome ini? Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di sini, saya ada kemukakan satu soalan tambahan dan apabila beliau ada menjawab mengenai soalan Yang Berhormat dari Kepong mengenai krisis ekonomi bagaimana untuk mengatasinya. Saya ada tanya bukankah benar tiga sebab utama yang menyebabkan kepercayaan tidak boleh dipulihkan, sebaliknya lebih merosot. Yang pertama ialah mengenai denial syndrome, tidak mahu

mengakui bahawa faktor-faktor dalaman, kelemahan-kelemahan sistem, kelemahan-kelemahan dasar, kelemahan pelaksanaan menyebabkan kehilangan kepercayaan, sama ada mengenai bail-out, mahu menggunakan wang rakyat atau ketepikan kepentingan umum atau kepentingan pemegang saham minoriti di syarikat-syarikat supaya untuk menyelamatkan segelintir orang yang ada hubungan khas dengan pemimpin-pemimpin politik di negara kita.

Kedua, ialah korupsi, kronisme dan nepotisme (KKN). Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu jawab. Sebaliknya dia mahu serang saya sahaja dengan berkata Ketua Pembangkang yang guilty mengenai nepotisme, oleh kerana beri keutamaan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Apa Yang Berhormat dari Kota Melaka dapat. Adakah dia dapat mega loan, adakah dia penswastan besar-besar, United Engineers Malaysia, Renong. Adakah dia dapat lesen-lesen, tidak. Mungkin sekarang dia menunggu keputusan hukuman penjara, adakah itu nepotisme. Kalau itu nepotisme relakah Mirzan, Mukris dan Mukzani tukar tempat dengan Yang Berhormat dari Kota Melaka, relakah? Relakah Lim Hee Leong tukar tempat dengan Yang Berhormat dari Kota Melaka? Apa itu nepotisme? Nepotisme bererti di mana menggunakan kedudukan, membolehkan saudara-mara untuk dapat keuntungan melalui kontrak atau kedudukan-kedudukan istimewa. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat serangan itu bukan oleh kerana beliau percaya bahawa ada berlaku nepotisme dalam DAP supaya untuk divert, distract attention supaya dia tidak perlu untuk menjawab. Beliau tidak begitu senang. Bukan begitu mudah untuk lari daripada masalah kronisme, korupsi dan nepotisme (KKN).

Dia kata bahawa orang yang menggunakan korupsi, kronisme dan nepotisme semua pak turut orang Barat. Orang Barat cakap, orang di Malaysia yang tidak ada niat baik ikut dan semua ini digunakan sebagai puppet, abdi (slave), komplot-komplot orang luar. Kalau begitu, adakah Ketua Pemuda UMNO yang

dalam ucapan beliau di Perhimpunan Pemuda UMNO kata KKN, korupsi, kronisme dan nepotisme ialah seorang ejen orang asing, foreign agent? Adakah ini bererti bahawa bahawa ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional semua asing. Kita tidak akui kita foreign agent. Tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akui bahawa dalam Barisan Nasional ada pemimpin-pemimpin, ejen-ejen orang asing seperti pemimpin UMNO Youth, seperti pemimpin-pemimpin Pemuda Gerakan, semacam pemimpin Wanita Gerakan, semua foreign agent, tidak taat setia kepada Malaysia. Mereka pengkhianat, bukan saya cakap, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cakap.

Begitu ramai pemimpin Barisan Nasional pengkhianat. Kenapa kita sampai satu tahap di mana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, pemimpin-pemimpin kerajaan menjadi pengkhianat, kenapa? Beliau cakap begitu oleh kerana dalam Perhimpunan Agung Gerakan baru-baru ini, Pemuda Gerakan dan Wanita Gerakan ucapan pemimpin-pemimpin Pemuda Gerakan dan ucapan pemimpin Wanita Gerakan ialah mengenai kronisme, mengenai korupsi, mengenai nepotisme. Itu sebelum signal dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh buat begitu. Dia beri signal sesiapa yang menggunakan istilah korupsi, kronisme dan nepotisme ialah ejen-ejen kuasa asing, hari yang sama terlalu lewat, mereka tidak tahu, jadi champion, good issue. Gerakan Youth Leader, Gerakan Wanita Leader hentam kronisme, korupsi dan nepotisme. Tetapi ini mengikut definisi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kedua-dua pengkhianat negara sebagai foreign agent.

UMNO Youth Leader foreign agent, pengkhianat negara. Ada menteri-menteri pun, ada timbalan-timbalan menteri pun begitu jadi ejen-ejen kuasa asing. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri sangat kuat dalam isu ini - korupsi, kronisme dan nepotisme (KKN). Adakah kita sampai satu tahap bukan sahaja pemimpin-pemimpin cabang Barisan Nasional sudah menjadi ejen-ejen

kuasa asing. Timbalan Perdana Menteri pun jadi ejen-ejen kuasa asing. Inilah sebab rakyat percaya siapa. Rakyat tengok bahawa kita tahu ada UMNO, ada KOMM, ada KOAI. Tadi ada Ahli Yang Berhormat kata ada KOKS. Bukan sahaja KOKS, ada KOMM, ada KOAI. Setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional khususnya UMNO, kita tahu mereka kalau bukan sokong KOMM ialah sokong KOAI. Siapa sokong KOMM berdiri tengok, berapa orang? Atau siapa yang sokong KOAI berdiri, tengok berapa orang?

Kenapa? Main-main dan rakyat tidak memihak sesiapa selain daripada mereka anggota UMNO, rakyat tengok sahaja tetapi mereka buat judgement sama ada ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat mengenai corruption, cronisme, nepotisme munasabah atau ridiculous – dan kalau ridiculous keyakinan orang ramai terhadap kerajaan jatuh lagi satu tahap. Bagaimana boleh kata cronisme, corruption dan nepotisme ialah semua ciptaan unsur-unsur Barat. Pada permulaan – Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa tidak ada cronisme, bahawa semua rakyat kroni beliau, semua rakyat oleh kerana sudah mendapat manfaat, untung daripada dasar-dasar kerajaan dan bererti semua mereka kroni beliau. Kalau begitu mungkin dia kroni terulung di dunia, begitu banyak kroni, berjuta kroni – must be the biggest crony in the world, must be the biggest crony master in the world – patut boleh masuk Guinness Book of Record – Perdana Menteri crony master number one dan berikutnya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan – wah, dia special! Dia kata “yeah, dalam Malaysia khas, di luar negara cronisme buruk, dalam Malaysia cronisme baik, there are good cronies and bad cronies.” Political standard apa ini? Political judgement apa ini? Bolehkah kedua-dua Menteri MCA yang ada di sini mempertahankan argument-argument Presiden mereka bahawa cronisme di luar negeri buruk, dalam Malaysia baik? Apa ini good cronies and bad cronies? Lim Hee Leong good crony – tidak boleh jawab. It is indefensible – indefensible.

Selepas itu kata semua itu ciptaan orang Barat. Kita mahu dapat kredibiliti balik. Kredibiliti balik ialah jangan kita twist perkataan-perkataan sehingga hilang segala makna dan oleh kerana kita boleh twist makna satu perkataan sehingga hilang makna. Masalah ini tidak timbul lagi dan paksa mass media supaya tidak ada negative reporting pun buat definisi itu – oh, dalam Malaysia tidak ada cronisme, tidak ada nepotisme, tidak ada korupsi tetapi go to the ground tanya rakyat, mereka percayakah? Mereka percayakah hujah-hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dibuat dan lain ini yang ada dipaksa atas mass media, adakah rakyat percaya? Mereka tidak percaya, akhirnya kredibiliti lebih turun, kepercayaan, keyakinan lebih buruk.

Saya harap kita serius, kita serius jangan main simentik mengenai masalah corruption, cronisme, nepotisme (KKN). Kita ada cadang – Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata saya nepotistic. Baik, kalau begitu ini pun satu isu tidak baik untuk negara dan patutlah disiasat sedalam-dalamnya. Saya cadang dan saya ulangi di sini biarlah kita mengadakan satu Suruhanjaya Diraja – siasat mengenai nepotisme, KKN khasnya menumpukan siasatan itu terhadap nepotisme pemimpin-pemimpin politik, bukan sahaja pihak kerajaan – pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Kita rela – kita dituduh, saya dituduh guilty of nepotisme – rela disiasat, ada suatu siasatan Diraja mengenai nepotisme pucuk pimpinan politik, pembangkang atau kerajaan. Kenapa kerajaan tidak rela? Adakah ini bererti bahawa pemimpin-pemimpin kerajaan takut? Memang mereka patut takut oleh kerana kalau ada suatu siasatan sedalam-dalamnya akan menunjukkan bukti betapa serius masalah nepotisme di negara kita oleh kerana pemimpin-pemimpin pihak kerajaan ialah guilty nepotisme, guilty cronisme, guilty corruption – guilty KKN.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: KOKS.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ada KOKS tetapi pun ada KOMM, ada KOAI, Yang Berhormat Pengerusi BBC dia berdiri di mana, dia sokong KOMM atau dia sokong KOAI? Dia sokong apa? Berdiri terangkan, sokong apa?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, dia minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Dia ini sudah hilang fikiran. Saya tidak payah layan dia. Tetapi, memang dalam DAP ada KOKS. Saya tidak accountable kepada DAP. Buat apa saya mesti jawab DAP? Saya pun tidak bersetuju dengan pandangan DAP yang melalut dan melelong. Ahli dari Kepong sendiri pun pagi tadi beritahu saya dia memang tidak bersetuju dengan pandangan DAP. *[Tepuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Itu lain hal. Kita mahu tahu kalau berani berdirilah, sokong KOMM atau sokong KOAI? Jangan lari, tidak ada option, sokong KOMM atau sokong KOAI, no third option, no third road dalam UMNO, third road masuk sungai.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hendak jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak bertanggungjawab kepada DAP. Apa perlu saya jawab DAP. Kalau dia hendak berpandangan yang serong, buat apa saya ikut cakap dia. Tetapi KOKS tidak boleh dinafikan. Saya tidak kata KOKS itu apa. Yang dia hilang pendirian itu apa fasal? Yang terjerit-jerit itu apa fasal? Kalau pada saya, KOKS itu 'Knock-out Kawan Sendiri'. Tetapi kalau Yang Berhormat dari Tanjong hendak tafsir KOKS itu membabitkan diri dia, saya tidak tahulah. Saya tidak pernah cakap hal itu. Jadi, tolonglah jangan emotional sangat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Yang Berhormat Pengerusi BBC mahu campur tangan dalam DAP – KOKS, dia mesti berani untuk menghadapi balasan. Saya ulangi soalan saya – dia sokong KOMM atau sokong KOAI, tidak ada third road, third road masuk sungai sahaja. Masa itu jawatan sebagai Pengerusi Bernas pun habis. Mana, sokong KOMM atau KOAI?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dia ini sudah hilang modal. Sekali lagi, saya katakan saya tidak accountable kepada DAP. Barisan Nasional tidak langsung bertanggungjawab untuk melapor kepada pihak pembangkang. Tetapi, oleh kerana dia dia mempunyai satu conscience yang tidak jelas, maka dia terpaksa bermain wayang. Saya amat mahir tentang hal ini fasal saya kenal Ketua Pembangkang sejak tahun 70-an lagi. Saya kenal dia, bagaimana dia menganjurkan siri puppets on the string. Banyak siri puppets on the string yang dikendalikan oleh Ketua Pembangkang. Kita dapat melihat, dengan izin, the whole world is very much aware of what you are doing. Oleh kerana ada international audience ini, biar dia dengar bagaimana saudara mengendalikan series puppets on the string. Siapa yang menjadi puppets, siapa yang menggerakkan tali, kita tahu! Dalam hal ini, kalau dalam DAP baru-baru ini ada beberapa tokoh DAP yang tersepak, terterajang itu adalah di antara episod-episod puppets on the string arahan Ketua Pembangkang merangkap Setiausaha Agung DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Itu hak Yang Berhormat Pengerusi BBC tetapi kalau dia mahu campur tangan dia will expect thatlah dan kita tahu dia sekarang mungkin belum buat keputusan mahu sokong KOMM atau sokong KOAI. Dia

mahu tengok kem mana boleh menang dan saya percaya dia pun tidak ada prinsip. Kem yang menang dia akan sokong – kalau KOMM menang, dia sokong KOMM, kalau KOAI menang, dia akan sokong KOAI, betulkah atau tidak betul? Oleh kerana sekarang dia tidak berani untuk berdiri dan tunjuk pendirian beliau, dia lari, jangan lari. Itulah next time if you want to get people be prepared for retaliation, it is a lesson for you.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Ha, KOMM atau KOAI, mana?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jawab, jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah apa KOAI atau KOMM. Yang kami tahu ada KOKS. KOMM itu ciptaan.....

Tuan Lim Kit Siang: KOMM – Knock-out. Mahathir Mohamad, KOAI – Knock-out Anwar Ibrahim, KOKS – Knock-out Kit Siang, okay?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau saudara hendak bertanya sama ada saya menyokong, Mahathir Mohamad atau Anwar Ibrahim, kami menyokong kedua-duanya. Kami orang Barisan Nasional mesti menyokong pemimpin tertinggi Barisan Nasional. Apa yang hendak ditakutkan? *[Tepuk]* Kami amat jelas. Kami dibimbing, kami dilatih, we are trained to be transparent bukannya macam DAP – mempunyai sinister design – itu DAP. You can tell the whole world that you are very transparent, dengan izin, but you have a lot of episodes of sinister design in your movement.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, itu terpulang kepada rakyat sama ada benar bahawa dalam kerajaan, dalam UMNO sekarang satu kem. Rakyat tahu dua kem. KOMM dan KOAI, orang yang kata sokong kedua-dua kem itu mereka boleh buat judgement, mereka is trying to run with the...what? *[Bertanya kepada Yang Berhormat dari Kepong][Ketawa]* Run with the hair and hunt with a haunt – mana

ada prinsip? Kalau ada prinsip, satu sahaja, pilih satu tetapi dia tunggu, tunggu tengok mana kem boleh menang. Mana ada prinsip, kata sokong, mana tidak ada. Nasihat bagi Yang Berhormat Pengerusi BBC kalau mahu cari third road Pengerusi BBC pun hilang, kerusi BBC pun akan dilucut. Akhirnya bolehkah menjawab sokong KOMM atau KOAI? *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Ha, now you feel it.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menjawab proposal saudara.....

Tuan Lim Kit Siang: You are answerable oleh kerana you mahu saya answer.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak bertanggungjawab untuk bercakap dengan saudara....

Tuan Lim Kit Siang: Berterus-terang kepada rakyat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Akhirnya beritahu KOKS betul atau tidak, is it true that KOKS bermakna 'Knock-out Kit Siang'?

Tuan Lim Kit Siang: Mengapa takut? Katalah sokong KOMM atau sokong KOAI? Jangan takut.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya menyokong pemimpin saya, apa yang saya bimbang....

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana KOMM bertentangan dengan KOAI.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:tetapi dalam DAP ada pemimpin yang tidak sokong saudara.....

Tuan Lim Kit Siang:baru boleh pilih satu sahaja. Tidak boleh pilih dua. Ha, itulah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:sebab ada knock-out Kit Siang.

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kuala Pilah minta jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia pegang buku ya, ada apa Yang Berhormat?

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada 36(6) dan 36(10)(c). Nampaknya Dewan ini sudah jadi gawat tidak tentu arah. 36(6) ini sangkaan jahat – banyak sangkaan jahat timbul dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang. Yang kedua, 36(10)(c), kita tidak boleh menggunakan perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia. Ini nampaknya dia cuba hendak melaga-lagakan kita dalam keadaan ini, tidak payahlah! Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, tolonglah dan saya minta juga kepada sahabat saya daripada pihak pembangkang, cubalah gunakan Dewan ini – ada satu beretika dan bermoral.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, saya hanya ingin memberitahu, Ketua Pembangkang sendiri mengatakan kita tidak mempunyai banyak masa untuk berbahas. Jadi, oleh yang demikian biarlah kita tumpukan kepada perkara-perkara yang tertentu yang memabawa manfaat kepada Belanjawan. Kalau pun ada cabar mencabar itu biarlah pendekkan sedikitlah. Tolonglah Ketua Pembangkang dan lain-lain semua ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya haraplah tidak ada orang yang mahu cabar sayalah. You will get the full answer today. Apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas sangat membimbangkan. Antaranya ialah bahawa kerajaan akan mengadakan

projek-projek raksasa pembangunan supaya boleh kick-start ekonomi. Pada prinsipnya kita boleh terima tetapi dalam perkara pelaksanaan, apabila kata bahawa kerajaan akan menghidupkan projek-projek yang digantung adakah ini bererti bahawa ini ada dua maksud. Maksud yang pertama ialah bahawa kita akan lihat satu revival mega projek yang digantung pada tahun lepas oleh kerana kegawatan atau krisis ekonomi. Semacam Bakun RM15 bilion – projek Bakun. Adakah ini bererti bahawa Bakun Dam Project akan di revive atau Highlands highway – Lebuhraya Highland hubungkan Cameron Highlands dengan Fraser’s Hill dengan Genting, jambatan Sumatera dan Malaysia, land bridge – jambatan tanah RM10 bilion daripada Utara Semenanjung ke Selatan Thailand.

Kita semua ingat oleh kerana pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Disember bahawa sungguhpun ada penangguhan mega projek tetapi land bridge RM10 bilion itu akan diteruskan menjatuhkan mata wang Ringgit kepada satu tahap masa itu tidak pernah berlaku. Sekarang adakah kita mahu revive ini? Kuala Lumpur Linear City (KLLC) adakah semua ini akan direvivekan? Kita mahu penjelasan sungguhpun mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak boleh sebenarnya menjawab oleh kerana nampaknya he belongs to a different financial stream, he doesn’t belong to a financial authority yang membuat pengumuman di luar Dewan ini mengenai strategi untuk memulihkan ekonomi. Dan nampaknya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahagian economic decision making sekarang tidak ada authority dan apa yang beliau jelaskan pun tidak ada authority. Mahu tanya dengan Yang Berhormat Menteri dengan Tugas Khas, kalau dia confirm barulah ada authority. Sad case, bukan? Confuse the mix signal kepada rakyat, kepada dunia bagaimana kita boleh menangani krisis ekonomi, bagaimana kita boleh kembalikan confidence rakyat semacam itu.

Maksud yang kedua adalah saya mahu tanya, sungguhpun saya tidak tahulah tanya orang yang salah ialah sama ada pengumuman bahawa kerajaan akan memulihkan projek-projek besar pembangunan akan menyembunyikan maksud untuk bail-out syarikat-syarikat tertentu. It's another bail-out project, usaha bail-out dan rakyat sangat prihatin dan kluatir oleh kerana kalau begitu segelintir orang akan untung tetapi bukan rakyat jelata. Kita sudah dengar banyak mengenai NEAC, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), kenapa sampai sekarang semua laporan dan perakuan tidak dibentang dalam Dewan yang mulia ini? Bukankah ini satu usaha yang baik supaya kerajaan boleh menggembelngkan, boleh mendapat seluruh masyarakat menyokong usaha economic recovery. Faham apa yang dikaji, faham apa yang berlaku dan adalah satu national consensus.

Sebenarnya sampai sekarang kita pun tidak tahu siapa yang sebenarnya menganggotai badan yang tertinggi dalam MTEN. Siapa? Tidak ada orang tahu. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak tahu. Executive Counsel siapa dalam – oh, tahu, beritahu, okay, beritahu.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Timbalan Menteri bangun ya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Executive Counsel itu telah pun disiarkan dalam akhbar berkali-kali, saya sendiri tidak ingatlah tetapi mengandungi professionals dan beberapa orang profesor dari Universiti dan ini telah pun disiarkan beberapa kali dalam semua akhbar.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri cannot be more wrong. Menunjukkan kejahilan, I am shock. MTEN satu badan tertinggi. Dia pun tidak tahu, dia pun don't care because he knows out of his hand, out of his control. Mana ada diumumkan? Mana ada profesional-profesional dalam Executive

Counsel – Tidak! I feel sad. Inilah standard political leadership. Kalau inilah standard political leadership.....

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya kata ada, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata tidak ada.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Okay, let's check.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, saya cakap tidak ada. Dan kalau inilah standard political leadership yang kita ada untuk menghadapi kegawatan ekonomi.....

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ingat lebih baik Yang Berhormat jangan komen lagi sehingga check ada atau tidak. Lepas itu barulah boleh komen.

Tuan Lim Kit Siang: No, you tell me otherwise, you listen to me first.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: All right. Don't comment.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau inilah standard political leadership saya kata we are in for the big, dark, gloomy future. Timbalan-timbalan Menteri, mungkin Menteri-menteri pun tidak tahu siapa dalam Executive Counsel MTEN. Kata profesional-profesional, sudah diumumkan – tidak benar. Pengerusi – Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Pengerusi – Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Setiausaha, Executive to Director – Tun Daim. Lagi dua anggota, bukan profesional-profesional, lagi dua anggota. Dua anggota ini, siapa? Tahukah?

Seorang Ahli: Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, ini standard perbincangan. Ada standard mutu leadership begitu rendah, sekarang kita tengok standard perbincangan lebih rendah. My goodness, God save Malaysia. *[Disorak]* Siapa? Itu serious question – Executive Counsel MTEN siapa? Lagi dua orang, tidak ada profesional, itu task-

force, itu working committee, kita kata Executive Counsel – siapa, lagi dua siapa? Tidak boleh cakap. Ada seorang diumumkan, lagi satu orang belum diumumkan. Orang yang diumumkan – saya beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang tidak tahu. Saya tahu, dia tidak tahu – Tan Sri Nordin Sopi. Sampai sekarang pihak pembangkang mahu memaklumkan, memberi maklumat kepada front bench, what has happen? Upside down this world! Government has gone upside down. Oppositon telling government, front bench what is happening in the government, malulah, malu! Tetapi soalan saya ialah who is the fifth member? Siapalah anggota kelima dalam Executive Counsel MTEN. Adakah sesiapa sekarang boleh berdiri untuk menjawab? Saya tidak tahu, mungkin tidak ada orang yang tahu dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin tidak ada orang tahu, adakah ini transparency? Mungkin Pengerusi BBC tahu, okay beritahu siapa anggota kelima? Tidak tahu, *[Ketawa]* Pengerusi BBC pun tidak tahu.

Itulah, are we serious? Inilah MTEN sebagai satu badan untuk selamatkan ekonomi negara tetapi sudah tujuh bulan MTEN atau sebenarnya lebih daripada tujuh bulan – November, sembilan bulan semenjak MTEN diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita pun tidak tahu siapa dalam itu, bagaimana beroperasi Executive Counsel, siapa anggota kelima?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Parit Sulong, bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, tahu ya, beritahu. Saya tidak tahu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Tanjong tahu bahawa MTEN telah pun mengeluarkan laporannya yang akan dihebahkan menerusi akhbar besok pagi?

Tuan Lim Kit Siang: Itulah, tadi tunjuk standard leadership yang begitu rendah, tadi kita lihat perbahasan Barisan Nasional yang begitu rendah, sekarang

pengetahuan Yang Berhormat Pengerusi BBC yang mutunya begitu rendah. Tadi saya sudah cakap bahawa satu pengumuman ada dibuat oleh – tentu bukan oleh Executive Director MTEN tetapi oleh Menteri dengan Tugas Khas sungguhpun orang yang samalah, mengenai strategi-strategi untuk memulihkan ekonomi. Kita tahu tetapi adakah Yang Berhormat Pengerusi BBC bersetuju inilah contempt Parlimen, pengumuman ini patut dibuat di dalam Dewan ini. Adakah Pengerusi BBC rela untuk berdiri untuk mempertahankan maruah Dewan ini bahawa ini contemp patut dibuat dalam Dewan dan bukan di luar Dewan khasnya apabila sekarang kita mahu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Adakah Yang Berhormat Pengerusi BBC bersetuju itu contempt of Parliament tetapi dia mana boleh bantah, dia belum buat keputusan mahu sokong KOMM atau sokong KOAI. Bagaimana boleh bersuara, belum berani kata sokong KOMM atau sokong KOAI.

Seorang Ahli: KOKS.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ada KOKS tetapi kita bincang KOMM atau KOAI. Tuan Yang di-Pertua, inilah satu isu yang serius, bagaimana kita get out of this economic crisis dan kita harap bahawa MTEN akan kemukakan, akan bentang satu laporan yang lengkap mengenai kajian-kajian, mengenai seluruh cadangan yang dibuat untuk perbincangan perbahasan Parliamen. Sekarang tidak tahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun tidak boleh beritahu Dewan ini apakah itu MTEN atau justify MTEN oleh kerana beliau tidak dalam MTEN. Beliau dalam ‘M11’, ‘M12’. Inilah prinsip accountability kepada Parlimen dan di sini saya harap bahawa kerajaan dalam masa untuk menjalankan segala langkah-langkah untuk menyelamatkan ekonomi akan berjaga-jaga supaya kepentingan rakyat segala lapisan dibela. Kita tidak mahu usaha-usaha kerajaan akhirnya untuk segelintir orang sahaja.

Sime Bank – kenapa Sime Bank boleh runtuh? Oleh kerana penyelewengan, bukan oleh kerana pasaran saham jatuh sahaja, bukan oleh kerana nilai mata wang jatuh. Oleh kerana penyelewengan-penyelewengan. Ada orang yang mendapat RM50 juta pinjaman, RM100 juta pinjaman, RM200 juta pinjaman, RM300 juta pinjaman tanpa collateral yang cukup. Bagaimana boleh berlaku? Kalau ini boleh berlaku masa itu, apa kedudukan dalam semua bank. Tengok hari ini Standard & Poor downgrading untuk Malaysia bank. You read that, isn't it – untuk Malaysia bank. Itulah, kita perlu, kita mesti rela menerima hakikat kita ada banyak kelemahan. Menanganinya mereka clean the bank, clean up institusi-institusi kewangan, orang-orang yang ada melakukan pecah amanah, breach of trust, sama ada misappropriate wang-wang atau penyalahgunaan kuasa mereka patut diheret ke mahkamah. Sekarang tidak ada, tidak ada sesiapa langsung nampaknya ada buat salah, semua George Soros, sungguhpun bank-bank dan syarikat-syarikat rugi, bukan beratus juta ringgit, berbilion ringgit, berpuluh bilion ringgit, dengan izin, hareness crimes without criminal. Apa kedudukan MAS sekarang? Bagaimana mahu menyelamatkan MAS? Bolehkah satu jawapan diberi di sini, satu penjelasan dibuat di sini?

Satu cara yang bukan bail out, satu cara yang bukan 'at the interest of the minority share holders' dan sekarang kedudukan MAS lebih dahsyat, lebih rumit oleh kerana MAS sekarang mengalami kerugian yang besar, kenapa? Oleh kerana KLIA - masalah sudah rumit, lagi masalah KLIA – MAS. Kita tahu sekarang banyak penumpang elak daripada menggunakan MAS bukan oleh kerana mereka ada apa-apa terhadap MAS tetapi oleh kerana KLIA.

Antara lain tidak mahu melihat tikus-tikus di KLIA, antara lain oleh kerana 'baggage handling system' dilaung-laungkan sebagai 'most sophisticated and fastest in the world within second' boleh 'locate baggage' - sekarang mahu 4-5 jam untuk dapat luggage. Sungguhpun tidak ada keluar dalam surat khabar tetapi

penumpang-penumpang tahu – akhbar tidak keluaran - itu ‘negative report’ tak keluar bukan bererti tidak ada keluar, itu orang tidak tahu.

Ada orang 2-3 hari dahulu yang balik dari New Delhi – flight 4 jam, tunggu luggage 5 jam

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mahu mempertahankan itu.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Adakah Ahli Yang Berhormat sedar walaupun mungkin cerita itu betul pada hari pertama, kedua dan ketiga

Tuan Lim Kit Siang: ... dua hari dahulu.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sungguhpun kita ada satu kelewatan tetapi ada berpuluh-puluh lagi flight berjalan dengan elok, jadi kalau satu terlewat mungkin ‘engine trouble’ dan sebagainya – ini perkara biasa. Adakah patut kita memalukan negara kita dengan bercakap macam itu oleh sebab kesilapan-kesilapan yang kecil begini. Sedangkan ini adalah satu projek yang patut memberi kemegahan kepada semua rakyat Malaysia tetapi Yang Berhormat melaung-laungkan menghina negara sendiri oleh sebab ‘one or two mistake’ yang memang akan terjadi di mana-mana sahaja. Malah saya tahu hari pertama kedua dan ketiga memang ada masalah, sekarang boleh kata 95% sudah okey - memang benar.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah sikap memperkecilkan masalah yang merosakkan kepercayaan negara kita. Itulah sikap yang langsung tidak bertanggungjawab dan ‘I condemn that such attitude’, itulah sikap tidak mahu negara maju, bukan satu sikap mahu keunggulan ‘excellent’ tetapi

mempertahankan kegagalan, kecuaiian, tidak bertanggungjawab – itulah yang akan menjahanamkan negara. Itulah sikap ‘hints’ apa yang saya kata, bukan apa yang berlaku hari pertama, hari kedua dan hari ketiga – 3-4 hari dahulu, bagaimana boleh ‘engine trouble’ kalau penumpang MAS dari New Delhi ambil 4 jam sampai KLIA tetapi mahu tunggu 5 jam untuk ‘luggage’.

Apa kena mengena dengan ‘engine trouble’, kalau ‘engine trouble’ dia tidak sampai tetapi dia sampai ‘on time’ – 4 jam landed tetapi after landed, grounded untuk 5 jam tunggu luggage. Oh, itu hal yang kecil, kalau Yang Berhormat sendiri menjadi mangsa, dia tidak akan berpura-pura di sini mengatakan itu adalah hal yang kecil. Kita mahu satu sikap budaya ‘excellent’ tetapi apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ialah satu budaya ‘mediocrity’

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berdasarkan pengalaman saya sendiri, saya rasa cukup megah dengan ‘standard of excellent’ yang telah pun ditunjukkan oleh kakitangan dan operasi lapangan terbang kita. Saya megah ‘that’s the truth, nothing but the truth’.

Tuan Lim Kit Siang: God save Malaysia. Sebab itu tengok penumpang-penumpang MAS begitu kurang sehingga menjadi satu krisis. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, esok kalau menggulung dapat memberikan butir-butir apabila KLIA beroperasi sampai sekarang ‘the drop in passenger traffic MAS, yang menggunakan MAS. Sebelum KLIA beroperasi apabila kita gunakan Subang Airport – kalau hari Isnin, dari Pulau Pinang ke KL, Monday morning – Penang to KL, flight full, 5-6 flight full. Sekarang, bila-bila pun boleh dapat,

Airbus – sekarang Penang-KL - 10% passenger, hah itu yang dikatakan berjaya, kalau lebih pun – 20% Monday morning.

Oleh kerana mereka tidak percaya semacam Yang Berhormat Timbalan Menteri megah, ya KLIA ‘very impressive, I impress, functionality, tidak, tidak. Ini sekarang ada krisis MAS, adakah kerajaan tahu betapa lama untuk memulihkan efficiency, memulihkan keyakinan supaya mereka rela lagi untuk travel dengan MAS, menggunakan KLIA. Mungkin di sini, saya mahu beri satu cadangan – mungkin buat sementara, satu tahun, 18 bulan, patutlah. Saya cadang kepada kerajaan bahawa menggunakan Subang Airport for some of the local flights, separuh (divide) kalau tidak mahu lagi usaha bail out tambahan untuk MAS. Tidak boleh beroperasi, mereka yang ada menggunakan MAS, tahulah apa yang saya cakap, ini satu krisis besar. Itulah sikap dan saya rasa Yang Berhormat, ini bersangkut-paut sangat dengan intim masalah untuk memulihkan keyakinan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah kata jangan buat ‘negative reporting’ kalau buat ‘negative reporting’ kita ada ‘inferiority complex’ kita akan rasa tidak boleh bersaing dengan orang-orang luar. Bila ada itu complex, sebelum itu kita apa-apa pun boleh – pergi naik Gunung Everest, pergi Northpole – 18 orang terjun dari helikopter, apa-apa pun boleh, ‘Malaysia boleh’. Sekarang nampaknya ‘Malaysia tidak boleh’, sungguhpun kita parti pembangkang kita tidak seronok tengok perkara semacam ini. Kita tidak seronok tengok KLIA, mass chaos - malu, saya rasa malu, saya cinta Malaysia, saya patriot Malaysia, saya tidak mahu tengok perkara ini.

Ada orang kata mereka cinta Malaysia tetapi mereka rela corrupt, makan suap, pecah amanah – apa guna, rela membela mereka yang corrupt, mereka makan suap, apa patriotisme ini? Itu patriotisme ialah the biggest traitor for the country, kitalah. Kita patutlah ada satu budaya excellent, jangan kita takut, kita patut rela mengakui kelemahan-kelemahan kita untuk kebaikan negara. Semacam apabila

New Straits Times kali yang pertama buat laporan ada tikus di KLIA, wah! Reaksi bagaimana boleh buat laporan ini, ini akan merosakkan nama baik KLIA. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kata jangan buat ‘a mountain out from the hill’ jangan buat laporan ‘negative reporting’- rosak imej, apa yang rosak imej, bukan laporan, apa yang rosak imej ialah satu mismanagement sehingga tidak mencegah ada tikus-tikus – 1,000, ‘one thousand rates’ dalam KLIA.

Lepas itu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kata – oh, sudah tangkap 269 tikus, lebih baik dia jadi Menteri tikus. Tetapi apabila masalah tikus di KLIA berlaku, bukan kata jangan buat laporan, masalah ialah bagaimana untuk habiskan masalah itu. Itu sikap keunggulan, sikap terbuka, sikap lebih transparent, kalau berani buat pendirian kata begitu, sokong siapa – kata, jangan lari Pengerusi BBC.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh cakap banyak lagi kalau mahu, lagi satu jam pun boleh tetapi saya harap untuk masa depan kita jangan ‘spring surprise’ semacam ini. Satu perbahasan yang sangat mustahak, lebih mustahak daripada Budget debate – 17 Oktober 1997, oleh kerana selepas satu tahun krisis lebih rumit. Ini perbahasan sebenarnya lebih mustahak daripada perbahasan Budget 1998 tahun lalu dan patut memberi masa yang cukup, memberi notis ‘and not spring surprise’ dan dengan itu saya ucapkan terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, sila Tambun.

4.57 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1998)1998.

Pertama tentang krisis ekonomi yang kita hadapi, saya berpendapat kita perlu memberi satu perspektif yang jelas ataupun ‘right perspective’ ke atas masalah ekonomi.

Kedua, soal sama ada ia merupakan satu masalah jangka pendek ataupun jangka panjang. Oleh kerana masalah ini melibatkan banyak negara ASEAN dan juga termasuk Korea Selatan, ada faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi ekonomi negara kita.

Saya sendiri berpendapat bahawa masalah ini bukan satu masalah jangka pendek, ia satu masalah jangka panjang. Saya menimbulkan perkara ini kerana jikalau kita mempunyai perspektif yang betul atau 'right perspective' maka kita boleh mengambil tindakan yang betul dan tindakan yang lebih baik. Saya mengambil contoh oleh kerana kita menyangkakan yang ia satu masalah jangka pendek, dalam satu atau dua tahun, kita telah memberi wrong 'signal' kepada syarikat-syarikat. Umpamanya, saya mempunyai ramai rakan dalam syarikat-syarikat yang berhadapan dengan masalah kekurangan pendapatan ataupun menghadapi kerugian dan jawapan kepada ini, mereka kata kita tunggu dalam tempoh 2 tahun ekonomi ini akan pulih dan syarikat kita akan pulih.

Itu sebabnya saya menekankan kepada soal perspektif kerana kalau kita menyatakan ia sebagai satu masalah perspektif jangka panjang, maka kita boleh membuat adjustment yang lebih baik lagi. Kita mengadakan kajian sensitivity dengan unjuran-unjuran tertentu kalau keadaan ekonomi kita dalam keadaan 'worst off scenario' macam mana pertengahan dan yang sedikit buruk macam mana dan tindakan-tindakan kita dilakukan berdasarkan daripada satu sektor kepada sektor yang lain. Kelemahan-kelemahan dapat kita atasi.

Yang ketiga, tentang soal perspektif dari segi isu foreign exchange. Saya bersetuju sebelum kegawatan ekonomi kadar tukaran wang kita pada RM2.50 = US\$1 dan sekarang lingkungan RM4.00 atau RM4.00 lebih. Kalau kita mempunyai perspektif yang jelas, kita harus menerima bahawa kadar tukaran asing kita telah berubah, ia tidak lagi RM2.50 dan ia tidak turun kepada RM3.00. Pada pandangan saya, kadar tukaran asing kita pada RM2.50 itu sebenarnya sudah

begitu tinggi, sepatutnya lebih rendah pada masa itu dalam lingkungan RM3.00 dan sekarang ia sudah pergi kepada RM4.00. Adakah kita mahu menerima hakikat bahawa kadar faedah kita akan jadi tinggi dan kalau kita mahu menerima hakikat ini, adjustments seterusnya boleh kita lakukan dari segi pengeksporan barangan dan sebagainya dan kita dapat mengambil tindakan yang lebih baik.

Saya juga berpendapat dalam soal kita menghadapi krisis ekonomi ini saya dapati banyak daripada isu-isu yang kita sentuh adalah isu-isu kewangan dan fiskal. Kita hendak membuat adjustment kepada bank, kita mengeluarkan peruntukan-peruntukan sebagai 'stimulus' untuk membangunkan ekonomi kita.

Jikalau masalah ekonomi ini satu masalah jangka panjang saya berpendapat sekadar kita menumpukan kepada mengatasi masalah ekonomi daripada sudut menjalankan dasar-dasar berkaitan dengan kewangan semata-mata, dari segi jangka pendek mungkin ia boleh membantu ekonomi kita tetapi dari segi jangka panjang, dasar-dasar kewangan ini tidak dapat membantu sepenuhnya dan kita mungkin akan hadapi masalah yang serius pada masa akan datang. Saya mengambil contoh yang ringkas daripada sudut syarikat umpamanya. Kalau syarikat mempunyai ekuiti yang rendah serta pinjaman yang besar syarikat tersebut adalah 'highly leverage company'. Pada masa sekarang untuk mengatasi masalah pembayaran hutang, syarikat membuat penyusunan semula pinjaman di mana pinjaman yang kematangannya hampir dijadualkan ke satu tempoh kemudian. Kalau patut dibayar dalam tempoh satu tahun dipanjangkan kepada tiga hingga lima tahun. Dari segi jangka pendek ia boleh menyelesaikan masalah syarikat kerana syarikat akan membayar pinjaman yang lebih rendah apabila dibuat penjadualan semula pinjaman. Tetapi dari segi jangka panjang, syarikat ini bergantung kepada hasil jualan. Kalau jualannya tidak dipertingkatkan ia tidak akan dapat mempertahankan kewangan syarikat itu, begitu juga dengan negara.

Saya berpendapat dalam soal kita hendak mengeluarkan negara kita dari krisis ekonomi ini tumpuan kita harus diberi kepada soal eksport, atau perdagangan negara barulah ia boleh menyokong dasar-dasar kewangan yang kita lakukan. Kita hendak mengatasi masalah NPL kita wujudkan Danaharta dan juga Special Purpose Vehicle (SPV) untuk recapitalisation dan sebagainya. Ini tidak akan dapat disokong dari segi jangka panjang jikalau eksport kita tidak meningkat dengan besar. Kalau eksport kita meningkat dengan besar kita akan mendapat pendapatan baru dan pendapatan ini akan menyokong apa sahaja yang kita buat dari segi kewangan kita.

Jadi saya berpendapat bahawa pertama sekali kita melihat masalah ini dari segi perspektif jangka panjang. Kalau pun ia dapat di atasi dalam masa dua tahun pun sudah baik, kalau kita melihat dari segi jangka panjang. Dan apabila melihat dari segi jangka panjang kita buat adjustment jangka panjang kerana saya pernah berbincang dengan pelbagai pihak, kita hendak mengeluarkan negara kita dari krisis ekonomi ini, kita mesti menumpukan kepada perdagangan dan eksport dan dikatakan ini memakan masa. Jadi oleh kerana ia memakan masa kita hendakkan ini jangka pendek, kita tumpukan kepada kewangan dan ia tidak akan selesai kalau masalah ekonomi ia berpanjangan. Jadi saya berpendapat kita harus menumpukan kepada sektor eksport.

Berkaitan dengan sektor eksport ataupun perdagangan luar negara kita, saya hendak sentuh satu isu yang saya rasa amat penting. Apabila kerajaan memutuskan untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan sebanyak 18%, kekurangan 18% ini dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan semua kementerian dan agensi sehinggakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga terlibat. Dan di sini antara agensi yang terlibat adalah MATRADE. Saya ambil contoh pejabat MATRADE kita di Vietnam, kita ada satu pejabat MATRADE di Vietnam yang menjaga Vietnam Utara dan Selatan, Kampuchea,

Laos serta Myanmar. Dalam proses pengurangan kos perbelanjaan kerajaan, perbelanjaan untuk pejabat tersebut dikurangkan sebanyak 18%, kemudian oleh kerana pertukaran wang asing dikurangkan lagi sehingga kekurangan melibatkan 30%. Ada empat orang kakitangan dan dengan kos perbelanjaan yang begitu kurang sehinggakan untuk pegawai pejabat tersebut hendak pergi ke Utara dan Selatan Vietnam pun dia tidak mempunyai kewangan apatah lagi untuk menjalankan pengurusan di Kampuchea, Laos dan Myanmar. Japanese Trade Organisation (JATRO) dan Pejabat Perdagangan Singapura, daripada satu pejabat di Vietnam di tambah menjadi dua, satu di Utara dan Selatan Vietnam, satu di Laos, satu di Kampuchea dan dua di Myanmar kerana kepada negara tersebut Myanmar merupakan potensi yang cukup besar untuk masa hadapan. Jadi bermakna sedang kita menghadapi krisis ekonomi, Jepun turut menghadapi krisis ekonomi, begitu juga Singapura yang dari segi anggaran GNP pada tahun ini dijangka kurang daripada 5% kepada 1% hingga 2%. Dalam kita menghadapi krisis kita mengurangkan perbelanjaan hinggalah MATRADE kita tidak boleh berfungsi untuk memperluaskan eksport negara kita; manakala Jepun dan Singapura meningkatkan kegiatan promosi supaya hasil jualan dan eksport negara tersebut dapat bertambah.

Lagi satu saya lihat dari segi perspektif jangka panjang adjustment yang harus kita buat untuk meningkatkan eksport, kita dapati eksport kita sekarang dari segi volume tidak bertambah. Eksport kita mungkin bertambah dari segi keuntungan yang diperolehi daripada perbezaan tukaran asing yang kita perolehi dengan kenaikan Dollar dan kejatuhan Ringgit Malaysia. Keuntungan diperolehi daripada tukaran asing, tetapi dari segi volume, tiada pertambahan. Apabila kita buat kajian, permintaan produk kita (manufactured products) di peringkat antarabangsa tidak meningkat walaupun kadar Ringgit kita menurun disebabkan kita mengeluarkan produk-produk elektronik dan elektrik yang bermutu rendah

yang turut dikeluarkan oleh semua negara - Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, China, masing-masing mengeluarkan produk yang sama. Dengan itu pasaran dunia telah lebih bekalan manakala permintaan pada paras yang lama. Bukan sahaja kadar mata wang kita turun, kadar mata wang negara lain juga turut turun malahan sekarang kita bimbang kalau negara China juga menurunkan mata wang dan ia akan mengakibatkan satu perubahan yang drastik, eksport kita mungkin akan menghadapi masalah yang lebih teruk. Singapura dan Taiwan pada masa yang sama pada tahun 80-an memang mengeluarkan produk yang sama tetapi mereka telah menjalankan strategi meningkatkan mutu produk kepada barangan elektrik dan elektronik yang bermutu tinggi. Jadi ini tidak terjejas di dalam pasaran antarabangsa.

Dalam erti kata yang lain adjustment perlu dibuat di peringkat industri, pengstruktur semula industri dari segi mengeluarkan produk baru. Ini mungkin memakan masa yang panjang tetapi jika masalah ekonomi ini dilihat dalam satu jangka masa panjang kita akan mendapat manfaat daripada strategi itu. Sehubungan dengan cadangan pengstruktur semula struktur industri, kita perlu memperkukuhkan industri kita melibatkan pelbagai aspek seperti isu pengabungan syarikat-syarikat. Industri yang kecil dijadikan industri yang besar yang dapat kelebihan kekuatan kewangan, berlebihan kekuatan teknologi dan sebagainya. Ini juga melibatkan soal kualiti pekerja kita dan ini melibatkan banyak pihak terutama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan. Adjustment ini perlu untuk kita memperkukuhkan ekonomi kita.

Begitu juga dengan soal corporate governance perlu diperkukuhkan. Saya baca dalam *Business Times*, yang menyatakan antara sebab sektor hartanah menghadapi masalah besar sekarang, dengan izin;

1. Bankers' willingness to give out loans.
2. Government approvals of too many projects to developers.

3. Investors overconfidence in properties.

Investors menceburi sektor hartanah tidak melibatkan soal feasibility study. Laporan-laporan daripada housing developers association dan daripada consultant dalam bidang property tidak diendahkan seolah-olah sektor itu mempunyai daya maju yang tidak akan luput. Jadi soal corporate governance tidak ditekankan. Kalau kita buat analisis yang lebih spesifik, kita kaji dari satu syarikat kepada syarikat yang lain kita akan dapati bahawa keputusan-keputusan yang dibuat tidak berasaskan kepada kriteria-kriteria yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin juga menyentuh soal pengurusan iaitu tentang pengurusan kewangan yang cekap. Saya dapati dalam sistem kewangan kerajaan kita, kita banyak berpandukan kepada konsep ‘budget and spending’, dengan izin. Kita menyediakan budget dan kemudian kita berbelanja. Perkara ini pernah saya sentuh dan selalu saya sentuh, saya berjumpa dengan beberapa orang pengarah-pengarah yang terlibat dalam soal pelaksanaan projek inilah isunya iaitu budget dan juga perbelanjaan. Mana-mana agensi kementerian yang diberikan budget RM1 bilion umpamanya, ia berbelanja RM1 bilion, kementerian itu adalah satu kementerian yang baik. Itu cara kita mengukur kementerian kita dan atas dasar inilah perbelanjaan dibuat dari tahun ke tahun tanpa mengambil kira sama ada perbelanjaan ini baik atau tidak.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya berpendapat kita perlu mengadakan satu kayu pengukur dari segi perbelanjaan kita. Kita perlu berpandukan kepada konsep cost effective, kita buat costing dan dari segi unit cost serta dari segi kemanfaatan projek-projek kepada kerajaan dan rakyat. Ini bermakna “cost and effect” mesti dikaji dan budget kita mesti kita kaji dari segi costing, sama ada costing itu betul ataupun tidak. Begitu juga dari segi pelaksanaan projek, apabila JKR diarah untuk menguruskan sesuatu projek, kajian-kajian dari segi costing ini mesti dijalankan secara yang betul

kerana dari segi pengalaman saya, saya dapati banyak projek yang dijalankan, bila saya tanya kontraktor berapa harga projek? Dia kata “Projek ini RM500,000, kerajaan rugi, perbelanjaan saya RM150,000”, bermakna costingnya tidak betul. Di sini ia merugikan kerajaan dan juga rakyat. Tetapi apa yang saya katakan berkaitan soal cost effective, costing mesti betul, kalau costing tidak betul maknanya kewangan kita akan rugi.

Kalau kita buat andaian kerugian ini jalan terjadi menyeluruh, perbelanjaan kerajaan diluluskan sebelum pemotongan sebanyak RM18 bilion untuk perbelanjaan pembangunan, ia berlaku accross the board, bermakna secara efektif. Belanjawan kita yang benar-benar digunakan untuk pembangunan yang dapat menguntungkan rakyat begitu kecil sekali. Berdasarkan pengalaman saya sendiri, saya sudah bangkitkan isu ini tentang satu perbekalan yang akhirnya saya sedar kelulusan RM50,000 tetapi yang sebenarnya secara efektif kosnya hanya RM10,000 bermakna kita kerugian RM40,000 di situ.

Sehubungan dengan itu projek-projek kerajaan yang kita nampak tidak menguntungkan dan bukan priority ataupun dilaksanakan bukan dengan cara yang baik kerana mungkin kita tidak mempunyai pihak pengurusan untuk menjalankannya, saya rasa patut kita gugurkan. Saya lihat dalam belanjawan kita senarai-senarai projek begitu banyak, makin tahun makin bertambah, saya belum pernah lihat projek-projek yang digugurkan. Saya percaya ada projek-projek yang tidak menguntungkan, jikalau kementerian ataupun agensi yang terlibat bersungguh-sungguh, betul serius mengatakan bahawa projek ini tidak menguntungkan, dia patut memberi rekomendasi supaya digugurkan. Jangan kita fikirkan jika digugurkan kedudukan kita juga akan terlibat, melalui down sizing dan sebagainya, akhirnya kita tidak ada tempat. Saya merasa kurang yakin dengan beberapa projek yang dijalankan yang saya sendiri rasa dan saya bertanya di peringkat pelbagai pihak, di peringkat pembangunan daerah, di peringkat Kerajaan

Persekutuan dan memang diakui tidak begitu efektif, tidak begitu berfaedah tetapi ia terus ada di dalam belanjawan kita dengan peruntukan-peruntukan. Akhirnya bila dijalankan projek-projek tersebut, perbelanjaan tersebut banyak pergi kepada perkara yang tidak berfaedah dari segi T-shirts, bag dan sebagainya yang dari segi mutu dan untuk memberi faedah kepada rakyat tidak diperolehi.

Tentang pelaksanaan projek yang saya kata tadi hendaklah berasaskan pelaksanaan yang cekap, ingin saya menarik perhatian kepada soal pemberian pinjaman yang diluluskan oleh kerajaan kepada pihak bank dan bank pula lembab meluluskan pinjaman tersebut. Saya merasa bimbang begini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengar banyak pandangan dalam Parlimen ini yang menggesa kepada kerajaan kata bank tidak patut, bank patut mempercepatkan pengeluaran pinjaman tersebut. Yang saya bimbang kita sepatutnya melihat pula di sebelah sana, di sebelah bank, dan kerana orang bank ini ramai rakan-rakan saya, saya bincang dengan mereka apakah masalah dan mengapakah pinjaman tidak diberi, kata pihak bank, “macam mana hendak beri, IKS sebahagian besar yang memohon tidak viable”. Tetapi kalau kita gunakan pressure, kita suruh luluskan pinjaman, bank akan patuh akhirnya dan ini akan merugikan kita. Dari segi memberi pinjaman ada prinsip-prinsip dengan izin, principle of good lending. Ada prinsipnya, dan asas-asas dan prinsip-prinsip ini mesti dipenuhi barulah pihak bank memberi yang baik dan pinjaman tersebut dapat dibayar balik. Bukan bermakna bila dia SMI, ada pinjaman RM1.5 bilion untuk SMI dan kemudian SMI datang dia boleh ambil loan sebab ia SMI, ia tidak begitu, ia ada prinsip-prinsipnya. Kalau kita tidak gunakan prinsip-prinsip kita beri RM1.5 bilion manakala SMI tidak mempunyai daya maju, pembayaran balik tidak akan berlaku dan kita akan ada NPL lagi daripada RM1.5 bilion, katalah RM1 bilion tidak berbayar, ini akan mendatangkan masalah.

Untuk menghadapi masalah ini yang patut kita lihat di sebelah sana, apa masalah IKS kita. Kalau IKS kita tidak mempunyai daya maju, perlu diberi pertolongan, apa bentuk-bentuk pertolongan yang harus kita beri supaya meningkatkan viability IKS ini. Itulah caranya kita hendak membantu negara kita. Bukan dengan kita kata, “kita mesti beri juga pinjaman tersebut”. Saya percaya cara ini akan merugikan. Sekarang kita bercakap soal NPL, kita kata mengapa NPL RM32 bilion dan pihak S&G Security kata tahun depan akan naik sampai RM100 bilion dan saya hendak tanya juga kerajaan kalau pihak consultant boleh buat ramalan ataupun buat unjuran pada tahun hadapan RM100 bilion, tidakkah kerajaan juga patut ada unjuran, supaya kita tahu kedudukan sebenarnya. Bila kita tubuh Danaharta, adakah Danaharta ini akan jadi satu badan yang viable and feasible, ia berasaskan kepada NPL, kalau NPL RM200 bilion, kekuatan Danaharta RM25 bilion, Danaharta tidak perlu kita tubuhkan. Saya bercakap berasaskan kajian secara objektif. Ini bermakna unjuran amat penting.

Sekarang kita katakan ada RM32 bilion kita salah bank, salah kerajaan dan sebagainya kerana memberi kelonggaran dalam meluluskan pinjaman. Principle of good lending tidak dipraktikkan. Kita bersetuju dengan kelonggaran ini kerana kita berpendapat negara hendak membangun biarlah tidak menggunakan principle of good lending. Kenal sahaja pinjaman diluluskan, ada sahaja asset protection - diluluskan. Kalau sektor hartanah banyak pinjaman diluluskan kerana dalam business, Tuan Yang di-Pertua, business yang paling mudah ialah sektor hartanah. Dapat tanah daripada kerajaan bayar premium, buat layout plan, dirikan rumah, ada orang beli dapat keuntungan besar dalam tempoh dua tahun. Kalau kontraktor bijak projek siap dalam tempoh 12 bulan, dalam setahun setengah sudah dapat balik pulangan, cukup mudah tidak perlu ada continuity. Tanah seluas 100 ekar, satu ekar 14 unit rumah, satu rumah dapat RM10,000 untung, bermakna satu ekar

sudah dapat RM140,000. Kalau 100 ekar tanah, RM14 juta keuntungan. Dalam satu pusingan sahaja,.business yang paling mudah sekali.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat, di belakang ...

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan ataupun pendapat dari Yang Berhormat, saya telah difahamkan bank-bank yang sihat sekarang adalah bank-bank yang tidak meminjamkan kepada name tetapi kepada peminjam yang berasaskan collateral dan apakah pendapat bank yang sihat yang beruntung sekarang yang teguh, dengan izin, they don't lend to name but to collateral.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak mempunyai statistik mengikut bank, bank mana yang untung dan sebagainya. Tetapi yang saya tahu, sebahagian besar bank-bank kita menghadapi masalah. Bank yang terbaik pun menghadapi masalah, kerana masalah collateral, dia beri pinjaman berasaskan kepada collateral dan dua collateral yang bank paling minat pada masa lalu adalah saham dan hartanah. Saya tahu banyak bank menghadapi masalah kerana collateral tersebut. Dari segi saham umpamanya, sekarang hanya merupakan 20% daripada nilai asal. Saya tengok Hicom satu masa dahulu RM7.50 kemudian turun RM7.00, dan turun lagi kepada RM6.50. Saya beritahu kepada kawan saya bila turun RM6.00 juallah saya kata, dia kata tunggu RM6.50 dia baru jual. Sekarang harganya 0.90 sen dan kalau ini kita cagar kepada bank, maknanya kita menghadapi masalah. Begitu juga dengan hartanah, pada masa ekonomi tengah elok kita dapati ada projek-projek yang buat rumah sampai harga minimum RM1 juta satu unit. Sekarang keadaan ini sudah tidak ada, kalau pun ada satu projek yang saya tengok harga RM1 juta, satu unit saya kata, "ini gila punya projek, mana ada pembeli". Tetapi sekarang sebahagian besar di bawah harga RM200,000 dan kebanyakan dalam lingkungan RM70,000 hingga RM100,000 satu buah rumah.

Jadi bermakna kalau bank memberi pinjaman berasaskan kepada collateral, tidak kepada principle of good lending termasuk feasibility study tadi, cash flow analisis, financial statement analysis dan sebagainya, saya percaya bank akan menghadapi masalah. Itu sebabnya dalam keadaan sekarang saya dapati salah satu bank dalam negara kita, dalam keadaan kegawatan ekonomi, bank tersebut enggan memberi pinjaman malahan dia gunakan dana untuk melabur dalam money kerana kadar faedah dalam money market begitu tinggi.

Saya ada tanya dulu tetapi tidak dijawab oleh kementerian tentang kadar faedah money market. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana syarikat kita tidak banyak menggunakan overdraft untuk working investment ataupun working capital, dia gunakan promissory notes, trade bill dan bankers acceptance. Malahan sebahagian besar menggunakan promissory notes. Promissory notes biasanya dalam tempoh antara satu bulan hingga tiga bulan dan kemudian akan roll over. Masa roll over nanti pada tarikh kematangan, syarikat tidak mampu bayar dia akan roll over dan jika faedah money market tinggi dan saya difahamkan memang cukup tinggi, syarikat akan menghadapi kerugian besar. Ada beberapa syarikat yang saya terlibat sama ada sebagai ahli lembaga atau sebagai consultant kepada syarikat Tuan Yang di-Pertua, sekarang menghadapi pembayaran faedah promissory notes pada kadar 22% setahun. Saya dapati, satu syarikat yang saya kaji, kalau dahulu dia bayar faedah bank dalam lingkungan RM900 ribu setahun, dengan pinjaman yang sama dia sekarang bayar RM6 hingga RM7 juta setahun, atau satu pertambahan yang begitu besar.

Mengikut kementerian BLR sudah kurang dan spread juga kurang daripada 5% ke-3%. Masa saya bekerja di bank dahulu kalau spread 5%, syarikat peminjam yang paling teruk, biasanya kita beri syarikat yang baik spread antara ½% hingga 1 ataupun 1½%. Kalau kita beri lebih daripada 3% syarikat itu kira low quality. Sekarang ini prime company pun kita beri 5% saya pun tidak faham,

pasal apa begitu tinggi dan memang sepatutnya pihak kerajaan mengambil tindakan ke atas perkara tersebut. Saya berharap soal pelaksanaan yang cekap ini bukan sahaja melibatkan bank. Saya memberi contoh bank tetapi turut terlibat termasuk sektor kerajaan dan sektor swasta.

Lagi satu perkara yang saya ingin sentuh, Tuan Yang di-Pertua, tentang soal kesan krisis ekonomi

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Aman bangun di belakang tu ya.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat telah menyentuh tentang manufacturing, jadi saya ingin tahu mengikut beliau apakah langkah-langkah fiskal yang harus diambil untuk meninggikan eksport kita ke luar negeri, memandangkan rate bank sekarang tidak menentu?

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang boleh kita lakukan dari segi fiskal dan monetary dari segi cukai dan sebagainya, tetapi saya ingat ini perlu dikaji dengan lebih mendalam oleh kerana ia mempunyai kesannya kepada pendapatan kerajaan nanti. Tetapi apa yang saya ingin sentuh berkaitan dengan soal penstrukturan semula industri supaya kita dapat meningkatkan eksport dan perdagangan negara. Dari segi penstrukturan industri melibatkan isu kualiti, produk yang kita keluarkan, soal produk differentiation, proses pengeluaran, kos efektif dan sebagainya yang saya rasa cukup penting kepada negara kita. Saya dapati Tuan Yang di-Pertua, dari segi manufacturing, export manufactured goods kita didapati 80% datangnya daripada FDI. FDI melibatkan import barang perantara ke negara kita dan kemudian dia eksport, dengan dia buat sedikit nilai tambah.

Jadi nilai tambah daripada FDI tidak tinggi, keuntungan kepada kerajaan kita tidak banyak, kita pun tidak mengenakan cukai, yang kita untung dari segi bilangan pekerja kita yang bekerja dengan kilang-kilang. Dia berbeza dengan kelapa sawit, kelapa sawit nilai tambahnya daripada kosong di peringkat awal

sampai kita dapat 100% nilai tambah. Tetapi manufactured goods di bawah FDI nilai tambahnya kecil. Justeru itu, kita perlu menyusun semula supaya rakyat kita terlibat dalam sektor ini dan mengeluarkan produk yang marketable di peringkat antarabangsa. Untuk mencapai matlamat itu, kita perlukan usaha yang bersepadu, melibatkan research and development, export market, human resources dan sebagainya.

Berasaskan kepada pandangan-pandangan yang dinyatakan, krisis ekonomi ini merupakan satu isu yang besar. Itu sebabnya dari awal ucapan saya, saya menyatakan masalah ekonomi ini mesti dilihat daripada perspektif yang benar, yang betul ataupun yang jelas, sama ada dia short-term problem ataupun long-term problem. Saya berpendapat krisis ekonomi ini satu masalah jangka panjang.

Saya tidak nampak clue lagi yang krisis ekonomi ini akan selesai dalam waktu jangka yang pendek. Kalau kita bagi signal yang tidak betul, adjustment yang dibuatnya tidak betul dan akhirnya kita tidak akan dapat mengatasi masalah-masalah tersebut.

Saya bersetuju dengan usaha kerajaan terlibat dalam sectoral analysis, terutama baru-baru ini Kementerian Pengangkutan sedang membuat kajian, macam mana produk kita dieksport serta diimport melalui Singapura sampai ratusan juta ringgit. Kalau ini dialihkan ke pelabuhan negara kita, bermakna kita akan mendapat keuntungan daripada produk ini melalui pelabuhan-pelabuhan kita. Saya berharap sectoral analysis dilakukan kepada semua sektor untuk meningkatkan kecekapan sektor berkenaan.

Berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan yang berura menggubalkan akta untuk menggalakan kepada syarikat-syarikat mengeksport atau mengimport barangan melalui pelabuhan kita, saya bersetuju dengan cara itu tetapi saya berpendapat kalau kita hendak menjadi sebuah negara kompetitif, mengadakan akta sahaja tidak boleh membantu negara kita. Mengadakan akta boleh

mengalihkan eksport serta import melalui pelabuhan negara kita, tetapi kalau kita hendak mencapai kompetitif advantage, kita hendak bersaing di peringkat antarabangsa kita mesti buat untuk di abad 21 kita perlu menekankan kepada kecekapan. Kalau dari segi pengangkutan dari kilang sampai ke pelabuhan mesti ditingkatkan kecekapan. Itu cara kita boleh bersaing. Tingkat kecekapan bukan sahaja produk kita bermutu tinggi tetapi produk kita dapat sampai pada waktu yang diperlukan. Inilah dunia globalisasi yang kita hadapi. Kalau kita hantar produk - saya tahu Tuan Yang di-Pertua, dah ada perjanjian nak eksport beberapa kontena perabot ke West Germany, kemudian tidak sampai. Ini masalah-masalah yang telah kita hadapi kerana tahap kecekapan kita yang tidak tinggi dan sekiranya ini tidak kita pertingkatkan, walau produk kita bermutu tinggi pun, orang tidak akan beli daripada kita kerana ia tidak percaya dan yakin kepada kita. Sebagai pengimport di negara luar ia pula nak menjual kepada pemborong-pemborongnya. Dia telah berjanji nak beri beberapa kontena tetapi tiba-tiba tak sampai, reputasi dia jatuh dan syarikat tidak akan mahu beli daripada dia. Untuk menjaga reputasi, syarikat tidak mahu beli daripada negara yang tidak dapat membekalkan produk mengikut masa yang ditetapkan. Jadi saya berpegang kepada pendirian kalau kita hendak mampu bersaing, kita hendak negara kita survive di abad 21, ia mesti berasaskan kepada kecekapan. Itu ia punya faktornya, dia punya bottom line, tidak boleh kita hanya menggunakan akta semata-mata. Tadi saya hendak menyentuh.....

Tuan Jimny Donald:*[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat, Sri Aman bangunan pula ya.

Tuan Jimny Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah-hujan Yang Berhormat itu tadi, jadi untuk menyelamatkan firma-firma kita yang menghadapi kesusahan dan kerumitan saya ingin bertanya, bukankah lebih baik kalau NPL itu tidak dipendekkan kepada 3 bulan tetapi

dipanjangkan supaya firma-firma yang bermasalah itu boleh berunding secara *ad-hoc* dengan bank-bank yang menyokong mereka. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan sayalah sama ada ia tiga bulan atau enam bulan dalam keadaan tenat ini ia tidak ada bezanya sebenarnya, tiga bulan macam itu, enam bulan pun macam itu. Yang penting bank mesti ada understanding, kalau peminjam ada masalah, bank mesti sanggup untuk berbincang dengan peminjam. Bank dan pelanggan juga mestilah understanding, saya dapati pelanggan bank di Malaysia ini kadangkala tidak ada etika. Bila ia pinjam, ia lari. Bank tulis surat, pertama ia tak jawab, kedua tak berjawab kemudian dihantar, first demand letter kalau tidak bayar dalam tempoh tertentu ia akan bawa ke mahkamah, ia tidak jawab juga. Yang kedua bila dibawa ke mahkamah baru ia datang. Ini masalahnya. Sepatutnya dalam keadaan ini bank dengan peminjam, - syarikat-syarikat mesti bekerjasama. Saya percaya bank sanggup membantu peminjam kerana jikalau tidak bayar langsung –write off, ambil contoh Sime Bank umpamanya RM1.5 bilion NPL, kalau write off bermakna bank akan rugi RM1.5 bilion, bank tidak dapat apa-apa, tapi kalau bank dapat selamatkan sedikit pun sudah menguntungkan.

Jadi dalam erti kata lain kalau peminjam dengan bank dapat duduk bersama peminjam yang menghadapi masalah, buat balik *cash flow*, *projected cash flow* lima tahun, penyusutan semula pinjaman, bincang dengan bank, saya percaya bank akan menerima. Jadi persoalan tadi sama ada tiga bulan, enam bulan pada saya dua-dua itu pun tak apa. Dalam keadaan tenat. Pada saya, saya setuju yang pendek supaya kita lebih berjaga-jaga, daripada panjang enam bulan. Kita macam meletak sampah di bawah carpet, kita ada masalah tapi masalah tersorok kerana belum sampai enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua tadi saya ingin menyentuh soal krisis ekonomi ini ke atas cost of living, dengan izin. Saya harap kerajaan dapat buat satu kajian, bagaimanakah impact krisis ekonomi ini terutama kenaikan harga barangan, pendapatan dikurangkan. Saya tahu banyak kilang-kilang yang mengurangkan pendapatan, kemudian pembuangan pekerja dan sebagainya. Macam mana kesan yang diterima oleh rakyat dari segi kajian kita kepada cost of living dan sebagainya.

Saya baca baru-baru ini di Indonesia kadar kemiskinan rakyatnya telah meningkat kepada 80 juta rakyat daripada 230 juta rakyatnya. Rakyat yang berada di bawah kadar kemiskinan seramai 80 juta orang dan saya bertanya pada beberapa orang kawan saya yang sekarang rakyat Malaysia, dulu rakyat Indonesia, saya dapati daripada beberapa rakan saya selalu balik ke sana, di kalangan peniaga. Saya bertanya kenapa dia balik. Dia balik ke Indonesia terutama ke Jakarta untuk bagi duit kepada saudara maranya di Indonesia. Dia kata di Jakarta sekarang ini jutaan orang makan satu hari sekali sahaja dari dia kata bagi rakyat di Jakarta dapat air sahaja sudah satu kemewahan. Hendak dapat air bersih, kepada mereka, itu merupakan satu syurga. Ada air dah cukuplah. Jadi impact krisis ekonomi kepada Indonesia begitu keadaannya tapi macam mana di negara kita.

Saya ada dengar jawapan daripada kerajaan mengenai kadar kemiskinan dia kata pada tahun hadapan akan diselesaikan dan saya percaya statistik ini adalah statistik dahulu, bukan yang terkini. Saya harap kita dapat buat satu study cost of living sekarang macam mana, kesan kepada rakyat macam mana dan bagaimana dengan kadar kemiskinan rakyat kita. Saya percaya dah bertambah dalam keadaan sekarang. Di keliling saya pun dah ada lima, enam orang diberhentikan kerja. Ini sudah tentu di bawah kadar kemiskinan. Dahulu mereka ada motosikal tetapi diberhenti kerja dua bulan lalu nak bayar bil hospital RM100 pun tak mampu. Dahulu RM1500 mampu bayar. Saya percaya lima orang ini dah

masuk di bawah senarai rakyat miskin. Kalau kita tak update senarai ini bermakna bahawa orang yang lima ini bukan di dalam senarai rakyat termiskin. Pada hal mereka sekarang sudah jadi rakyat termiskin. Itulah beberapa perkara yang dapat saya sentuh Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua : Senai

5.40 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai] : Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Tadi kita telah mendengar ucapan daripada Ketua Pembangkang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Mengikut ucapan beliau nampaknya negara kita sudah tidak ada harapan lagi .

Tuan Yang di-Pertua, masalah kegawatan ekonomi bukan sahaja berlaku di negara kita, sebenarnya ia adalah masalah di rantau ini. Jadi ikut ucapan Yang Berhormat daripada Tanjong nampaknya kegawatan ekonomi di negara kita ini dipertanggungjawabkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Kerajaan Barisan Nasional. Ingin saya maklumkan adakah di negara Thailand, Korea Selatan dan Indonesia, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bertanggungjawab terhadap masalah di negara yang saya sebutkan itu?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan kita memang berusaha keras mengambil langkah-langkah bagi memulihkan kedudukan ekonomi negara kita. Saya berasa amat kesal dan dukacita kerana DAP, khasnya Ketua Pembangkang takut usaha kerajaan berjaya, kerana DAP suka lihat rakyat Malaysia dalam keadaan kesusahan. Pada pilihanraya yang lepas DAP gagal, kalah teruk kerana keadaan ekonomi negara kita baik rakyat senang, oleh yang demikian terpaksa parti DAP mendoakan masalah kegawatan ekonomi negara kita tidak akan pulih secepat mungkin. DAP harap 'economy down, DAP

up'. Saya yakin dan percaya hasrat DAP ini tidak akan berhasil. Saya kata demikian kerana kepada seorang Ketua Pembangkang yang cakap tidak serupa bikin, contohnya Tanjong 1, Tanjong 2, Tanjong 3 dan Tanjong 4, kata kalah, akan letak jawatan. Adakah beliau membuat demikian. Kini beliau bukan sahaja telah hilang kepercayaan daripada penyokong beliau sehingga anggota partinya juga ingin menolaknya, oleh yang demikian wujudnya KOKS.

Tuan Yang di-Pertua, kepada rakyat yang mencintai negara kita, kepada Wakil Rakyat yang bertanggungjawab kepada rakyat, saya harap supaya kita semua tidak akan membuang masa menjatuhkan diri kita kepada perangkap DAP dan akhirnya menyusahkan rakyat. Sebaliknya kita perlu berpegang teguh kepada prinsip kita membantu kerajaan kita mewujudkan satu keadaan yang aman damai untuk dinikmati oleh semua rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan masalah berkaitan dengan pekerjaan. Isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan pemberhentian dan melantik semula pekerja-pekerja ini bukan sahaja menjadi bahagian utama kepada pekerja-pekerja yang terjejas dan kesatuan sekerja malah ianya juga diberi tumpuan penuh oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional, khasnya Kementerian Sumber Manusia. Kebimbangan yang telah ditunjukkan atau dibayangkan dengan jelasnya melalui akhbar ke atas kenyataan polisi dan laporan keadaan masa kini oleh kementerian tersebut.

Rakyat jelata Malaysia adalah juga secara amnya sedar bahawa kegawatan ekonomi telah membawa kepada kesan negatif iaitu pemberhentian yang mana Kerajaan Barisan Nasional sedang membuat segala usaha untuk mengambil langkah-langkah pemulihan supaya kesengsaraan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang telah diberhentikan dapat dikurangkan kepada satu tahap yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua, usaha bersama termasuklah menubuhkan satu persetujuan jika pihak atau jawatankuasa bersama atas isu pemberhentian pada 16 Februari tahun ini yang terdiri daripada Kementerian Sumber Manusia, MEF dan MTUC yang keutamaan yang spesifik dan memberi perhatian penuh terhadap kebajikan dan pengagihan pekerjaan alternatif ke atas pekerja-pekerja Malaysia yang terjejas di bawah keadaan ekonomi masa kini. Untuk perkembangan yang membina ini MTUC mesti diberi tahniah atas usaha-usaha kerjasamanya yang benar-benar menjaga kebajikan para pekerja.

Statistik rasmi telah mendedahkan bahawa sejak bulan Februari tahun ini seramai 1,036 orang pekerja telah pun diberhentikan. Kerjasama yang tepat pada masanya ini adalah penting kerana usaha bersama ini bukan sahaja akan meringankan masalah-masalah yang berkaitan dengan pengangguran tetapi ianya juga membina satu semangat kerjasama, bersepadu untuk menangani masalah umum dan cabaran yang akan dihadapi. Lebih mustahak lagi ianya juga menangani kerumitan dan pembaziran masa dalam pengagihan semula kerja dan usaha tiga pihak dalam menghasilkan satu mekanisma dan tempat untuk kategori pekerja-pekerja ini akan mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang telah diberhentikan. Proses pengawasan dan bantuan yang telah diberikan kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan akan membantu mereka mencari kerja gantian secara berkesan ditempat lain, lalu mengurangkan masalah-masalah sosial akibat pengangguran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semua komponen dalam hubungan tiga pihak ini adalah masing-masing mempunyai sumbangan penting dan peranan-peranan tertentu. Pihak kerajaan khususnya, Kementerian Sumber Manusia diberi tugas penting untuk mengawas dan memastikan bahawa syarikat-syarikat yang melakukan pemberhentian sepatutnya menunjukkan sikap yang adil dan mempunyai kewajipan moral untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan

itu dalam usaha mencari kerja ini di lain tempat. Memandangkan pengorbanan besar usaha pekerja-pekerja setia yang telah sekian lama berkhidmat itu secara langsung atau tidak langsung telah menyumbang kepada keuntungan syarikat-syarikat mereka semasa keadaan ekonomi baik.

Baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia dengan kelulusan Kementerian Kewangan telah bersetuju ke atas satu pelepasan kewangan yang akan membawa manfaat kepada pekerja-pekerja yang besar kemungkinan akan menghadapi pemberhentian, iaitu pekerja-pekerja adalah dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan atas saguhati, penamatan pemberhentian sejumlah RM4,000 bagi setiap tahun perkhidmatan yang telah disempurnakan, tidak kira amaun gaji yang mereka memperolehi. Langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini merupakan satu bukti jelas bahawa terdapat polisi penyayang di sebalik cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi oleh tanahair kita pada hari ini.

Usaha-usaha dan kerjasama tiga pihak ini harus dipuji, namun masih terdapat beberapa lingkungan yang memerlukan perhatian khas iaitu memastikan semua syarikat yang merupakan ahli MEF mematuhi berbagai syarat yang dikenakan oleh kerajaan atas pemberhentian, mengawasi kelemahan di dalam pelaksanaan pendaftaran pekerja-pekerja yang diberhentikan dan kedua, satu komunikasi yang berkesan perlu diadakan untuk menjayakan proses pengagihan semula pekerjaan. Yang ketiga, memastikan keutamaan pekerja diberi kepada pekerja-pekerja warga Malaysia sebelum pekerja asing dan untuk menuju ke arah ini, pemeriksaan keatas majikan-majikan yang tidak berhati-hati perlu dijalankan bagi memastikan penganiayaan tidak akan berlaku.

Keempat, memastikan bahawa masa tempoh latihan semula kebajikan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan adalah terus dijaga untuk mengurangkan kesengsaraan mereka.

Kelima, pengawasan yang berterusan ke atas sektor industri dan syarikat yang berkemungkinan besar akan melakukan pemberhentian atau penggantungan pekerja di luar dugaan dan tindakan pemulihan yang proaktif perlu dirancang untuk menghadapi keadaan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan yang dibuat baru-baru ini berkenaan dengan sebab-sebab pemberhentian yang telah dibuat khususnya di antara bulan Januari hingga bulan Julai tahun ini merupakan satu kebimbangan kebangsaan. Statistik yang dikumpulkan oleh Kementerian Sumber Manusia mendedahkan bahawa sektor pembuatan merupakan pelaksana terbesar dalam pemberhentian pekerja dan kekurangan permintaan produk sebagai alasan utama di mana sektor ini telah memberhentikan seramai 22,908 orang pekerja pada tempoh tersebut. Penutupan syarikat-syarikat telah mengakibatkan pemberhentian pekerja yang kedua terbesar iaitu seramai 3,861 orang terlibat, manakala kos pengeluaran juga meningkat menyebabkan 3,780 orang pekerja diberhentikan.

Di dalam perkembangan sedemikian, saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan kita perlu melaksanakan pengawasan rapi dan membuat pertimbangan yang menyeluruh dalam konteks meneruskan permohonan perlanjutan pekerja oleh pekerja asing bagi memastikan pekerja-pekerja warga Malaysia yang telah diberhentikan itu mempunyai peluang penggajian semula, oleh kerana kerja-kerja gantian berkenaan yang disediakan untuk pekerja-pekerja asing itu dapat memberi sedikit kesenangan buat sementara kepada pekerja-pekerja kita yang bersedia dan rela untuk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada isu pengangkutan. Saya ingin membincangkan perkara-perkara mengenai perancangan sistem pengangkutan di Malaysia. Sepertimana yang kita sedia maklum, sistem pengangkutan darat, laut dan udara yang teratur akan menjadi faktor penentuan pertumbuhan ekonomi atau pemangkin kepada pembangunan negara. Maka Kerajaan Barisan Nasional sama

menumpukan perhatian untuk membina lebuhraya, lapangan terbang serta pelabuhan baru, sesungguhnya projek-projek infrastruktur inilah yang akan memberi keyakinan serta mendorong lebih ramai pelabur asing melabur di negara kita.

Pada bulan yang lalu kita baru sahaja menyaksikan pembukaan rasmi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang. Meskipun terdapat sedikit kekecohan pada peringkat awal pembukaan KLIA, tetapi ianya telah dapat diatasi dalam masa yang singkat oleh kerajaan khususnya oleh Kementerian Pengangkutan serta pegawai-pegawainya. Tahniah diucapkan kepada kerajaan kerana mampu menyiapkan pelaksanaan mega projek ini yang terulung lagi canggih ini, walaupun negara sedang mengalami kegawatan ekonomi.

Di samping itu segala pujian harus diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang rajin serta sentiasa prihatin dengan perkembangan terbaru KLIA. Beliau telah mengunjungi KLIA hampir setiap hari sejak hari pertama pengoperasian lapangan terbang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pembukaan lapangan terbang di Hong Kong pada awal bulan ini turut dilanda beberapa masalah, koordinasi dan keadaan kelam-kabut dari segi pengendalian lapangan terbang yang baru. Ini jelas membuktikan bahawa dalam peringkat awal pembukaan mana-mana lapangan terbang yang baru termasuk di negara-negara maju, pihak berkuasa lapangan terbang tidak dapat mengelak dari menghadapi masalah koordinasi dan pengurusan di dalam lapangan terbang. Apa yang penting ialah keadaan di lapangan terbang mestilah pulih kepada keadaan normal dalam masa yang paling singkat.

Sejak pembukaan KLIA banyak pihak termasuk pemimpin parti pembangkang telah mengambil kesempatan untuk mengkritik pihak berkuasa KLIA dengan hebatnya, akan tetapi segala kritikan itu telah disambut baik oleh

Kementerian Pengangkutan dan sebaliknya menolong mereka mencari penyelesaian demi mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang berkualiti di KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan di KLIA beransur pulih dan beroperasi dalam keadaan normal sejak kebelakangan ini, maka saya di sini ingin menasihati mereka yang hebat mengkritik KLIA supaya memberhentikan segala kutukan, prasangka dan pandangan negatif terhadap KLIA. Sebaliknya mereka harus sentiasa bersikap positif terhadap pembinaan KLIA di samping menghayati peranan yang bakal dimainkan oleh KLIA menjelang alaf baru. Lebih wajar para pengkritik menumpukan perhatian membantu kerajaan menarik lebih ramai pelabur dan pelancong asing menggunakan KLIA untuk tujuan komersial ataupun pelancongan. Keadaan ini pasti lebih bermakna daripada mengkritik bertubi-tubi kerana ianya tidak menguntungkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita meninjau sistem pengangkutan di negara kita, kita sememangnya kagum dengan beberapa projek pengangkutan yang telah siap dibina. Misalnya, Lapangan Terbang Kuala Lumpur yang telah saya bangkitkan, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pasir Gudang dan projek Lebuhraya Utara-Selatan, kesemua infrastruktur yang dibina ini telah menetapkan rangkaian sistem pengangkutan bersepadu yang efisien iaitu dari pengangkutan darat dihubungkan ke udara atau laut dan sebaliknya tanpa pembaziran masa. Akan tetapi, kita masih mendengar rungutan dan rintihan orang awam terhadap sistem pengangkutan di bandar atau bandar raya yang seringkali dilanda masalah kesesakan lalu lintas.

Di sini saya ingin mengesyorkan agar Kementerian Pengangkutan bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mewujudkan satu peraturan atau rangka undang-undang bagi mewajibkan pihak pemaju projek mengemukakan laporan Penilaian Kesan Trafik (Traffic Impact Assessment), dengan izin, demi memastikan kesan-kesan

kesesakan di dalam bandar dapat dikawal atau diatasi melalui perancangan awal sistem lingkaran jalan di sekitar tapak projek.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah pun dipinda pada tahun 1985 bagi memberi kuasa kepada Jabatan Alam Sekitar meminta laporan Environmental Impact Assessment (EIA), dengan izin, dari pemaju yang menjalankan aktiviti pembangunan berjadual mengikut Seksyen 34A akta tersebut.

Dalam pada itu, Jabatan Alam Sekitar turut berkuasa menolak cadangan sesuatu projek pembangunan kalau syarat-syarat EIA tidak dipatuhi. Memandangkan laporan TIA iaitu Penilaian Kesan Trafik mempunyai fungsi yang penting di dalam konteks perancangan pengangkutan, maka saya menyarankan supaya kerajaan menggubal undang-undang atau meminda akta yang sesuai bagi memasukkan syarat keperluan TIA ke atas projek pembangunan yang difikirkan kritikal dari segi perjalanan trafik seperti juga tatacara mewajibkan pemaju mengemukakan laporan EIA melalui penggubalan undang-undang atau pindaan terhadap akta yang sedia ada. Syarat keperluan EIA akan dihuraikan secara terperinci melalui pembentukan garis panduan yang akan dipatuhi sepenuhnya oleh pemaju semasa memohon kelulusan untuk projek perumahan, komersial dan industri di dalam bandar khususnya. Saya yakin masalah kesesakan lalu lintas pasti dapat diminimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekarang untuk menyentuh sedikit berkaitan dengan penswastaaan pengurusan sisa pepejal seluruh negara. Sejak kebelakangan ini, terdapat pihak-pihak yang tertentu yang telah secara terbuka membantah dan mengkritik dasar penswastaaan ini dan kononnya telah menuntut supaya kerajaan membatalkan keputusan penswastaaan pengurusan sisa pepejal ini.

Memandangkan penswastaaan pengurusan sisa pepejal adalah berasaskan model penswastaaan perkhidmatan pemetungan. Kekhuatiran rakyat ini

berasaskan kepada pengalaman pahit semasa pelaksanaan penswastan perkhidmatan pembedungan. Masalah-masalah yang wujud adalah seperti kadar bayaran yang tinggi, bayaran tanpa perkhidmatan terlebih dahulu, bil-bil yang silap dan sebagainya.

Saya yakin bahawa masalah-masalah ini tidak akan wujud semasa penswastan pelupusan sisa pepejal, keyakinan ini adalah berdasarkan hakikat bahawa kerajaan telah mengambil iktibar dan pelajaran ini demi masalah-masalah penswastan perkhidmatan pembedungan dan akan memastikan supaya ianya tidak berulang dalam kes penswastan pengurusan sisa pepejal.

Kita mempelajari dari kesilapan-kesilapan kita, tidak ada kerajaan demokrasi di dunia ini yang sengaja melaksanakan sesuatu dasar sedemikian rupa dengan tujuan membebaskan rakyat. Perlu diingatkan bahawa keputusan dasar tentang penswastan ini telah dibuat pada bulan September 1995 tetapi sehingga ke hari ini kerajaan masih belum bersedia untuk menguatkuasakannya sebab ingin meneliti secara mendalam semua aspek seperti peruntukan rang undang-undang, perjanjian konsesi struktur tarif, mutu perkhidmatan dan sebagainya.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah mengambil keputusan melaksanakan pengambilalihan interim terlebih dahulu sebelum penguatkuasaan sepenuhnya penswastan ini. Berlainan dari penswastan pembedungan, penswastan pengurusan sisa pepejal akan dilaksanakan selepas tamat tempoh pengambil-alihan secara interim pengurusan sisa pepejal di pihak berkuasa tempatan oleh syarikat konsesi.

Saya menyokong kuat pendekatan sedemikian kerana saya percaya terdapat beberapa kelebihan yang dapat diperolehi seperti dalam tempoh pengambilalihan interim kerajaan dapat menilai prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi dan seterusnya memberi teguran dan arahan membaiki perkhidmatan.

Yang kedua, kerajaan akan mempunyai masa yang mencukupi untuk menyemak dan mengkaji Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal, penetapan kadar tarif juga dapat dipertimbangkan sebaik mungkin supaya tidak membebankan rakyat.

Yang ketiga, syarikat konsesi juga akan mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat perancangan dan persiapan dari segi sumber tenaga manusia dan pemberian perkhidmatan demi meningkatkan prestasi perkhidmatan sebelum penswastaaan sebenar bermula.

Yang keempat, syarikat konsesi akan mempunyai masa yang mencukupi untuk mengumpulkan makluman mengenai pegangan yang perlu dikenakan caj bagi memastikan bahawa hanya pegangan yang diberi perkhidmatan sahaja akan dikenakan bayaran.

Tuan Yang di-Pertua saya percaya bahawa penswastaaan perkhidmatan ini akan berjalan lancar apabila dikuatkuasakan kelak. Bagi memperkemaskan lagi perlaksanaan ini saya ingin mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

Yang pertama, saya percaya bahawa seperti juga dalam kes penswastaaan perkhidmatan pembetungan kerajaan dalam melaksanakan penswastaaan pengurusan sisa pepejal juga akan menghulurkan bantuan pinjaman ringan atau soft loan dengan izin, kepada syarikat konsesi. Jika kerajaan membuat demikian saya ingin mencadangkan supaya sekurang-kurangnya dua orang pegawai tinggi kerajaan iaitu satu dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan satu lagi dari Kementerian Kewangan menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat konsesi yang berkenaan seperti Alam Flora, Southern Waste dan Northern Waste. Keanggotaan sedemikian amat penting kerana ianya akan meyakinkan orang ramai terhadap accountability, dengan izin.

Syarikat konsesi kepada kerajaan dalam urusan kewangannya yang antara lain melibatkan duit, wang rakyat dan juga bantuan kerajaan dari segi berbagai

jenis bantuan dan kemudahan kewangan. Ini juga akan memastikan supaya sebarang soft loans yang diberikan itu dapat dikawal rapi kegunaannya hanya untuk tujuan-tujuan produktif yang berkaitan langsung dengan pengurusan sisa pepejal dan bukan untuk tujuan-tujuan lain.

Malahan saya juga ingin mencadangkan di sini supaya keanggotaan sedemikian juga dibenarkan ke atas Indah Water Konsortium kerana kerajaan telah banyak memberi bantuan kepada syarikat ini.

Yang kedua, saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan mensyaratkan supaya syarikat-syarikat konsortium ini meningkatkan ketelusan atau transparency dalam pengurusan mereka supaya rakyat sentiasa berpeluang untuk mendapat maklumat atau untuk memerhatikan prestasi syarikat-syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat berucap dalam 15 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya! boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

6.10 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah di negara ini adalah banyak dan saya akan meringkaskan pendapat saya mengenai apa yang berlaku di negara ini.

Yang pertamanya, mengenai masalah ekonomi antarabangsa terutamanya di Amerika Syarikat. Sekarang di Amerika Syarikat, di Dow Jones Industrial Index sudah meningkat lebih daripada 9,300. Ini bermakna di Amerika Syarikat adanya ekonomi yang terlalu panas, *overheating of the economy* dan juga saya nampak

inflasi di Amerika Syarikat sudah kian meningkat dan dengan bahang kegawatan ekonomi di Asia Tenggara maka saya berpendapat kita di negara ini mesti sentiasa berhati-hati mengenai kemungkinan berlakunya kemerosotan ekonomi di Amerika Syarikat.

Dengan yang demikian, walaupun kita sedang menghadapi kegawatan ekonomi, sudah jatuh ditimpa tangga pula, itulah masalah dan saya berharap kerajaan dapat mempergiatkan usaha untuk mendapat sokongan daripada Amerika Syarikat terhadap langkah-langkah yang sedang kita ambil di negara ini, sebab saya nampak apabila berlaku masalah di negara-negara seperti Jepun, pihak Amerika Syarikat cepat mengambil tindakan untuk memberi pertolongan, tetapi apabila berlaku masalah di negara ini, Amerika Syarikat memang lambatlah untuk menghulurkan bantuan, itulah masalah disebabkan oleh kepentingan Amerika Syarikat di Jepun itu lebih besar berbanding dengan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, kita mesti berusaha sepertimana yang telah saya sebutkan tahun lepas mengenai masalah untuk mendapat sokongan dari Amerika Syarikat dan untuk menyediakan payung sebelum hujan sebelum kemerosotan berlaku di Amerika Syarikat.

Masalah yang keduanya, yang telah pun saya suarakan pada tahun yang lepas mengenai kemerosotan ekonomi di Jepun, saya nampak masalah ini yang menyebabkan kejatuhan Perdana Menteri. Dengan kebangkrapan Jamaichi Securities yang merupakan keempat terbesarnya firma sekuriti di Jepun dan juga Hokaido Takusyoku Bank, bank yang kesepuluh terbesar di Jepun dan saya percaya ada banyak lagi yang akan muflis, ini nampaknya kemerosotan ekonomi di Jepun adalah paling teruk dalam beberapa dekad ini.

Dengan yang demikian, saya pun tidak tahu apakah dasar kerajaan mengenai kemerosotan ekonomi di Jepun itu, sebab saya sebutkan tadi, kita pun sedang menghadapi kegawatan. Dengan kemerosotan ekonomi Jepun ini

bermakna masalah di negara ini akan menjadi lebih rumit. Oleh itu, kita mesti berhubung kait dengan usaha yang diambil oleh pelbagai pihak untuk memulihkan kemerosotan ekonomi di Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pada 21 Julai, dua hari yang lepas Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Kementerian Kewangan mengatakan bahawa Danaharta sedang berbincang dengan bank-bank di negara kita terutamanya mengenai banyak mana NPL pinjaman tak berbayar yang ada dan daripada situ Danaharta akan cuba melihat apakah NPL itu dapat dibeli ataupun caranya bagaimana.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak tahulah mengapa pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak tahu, sebab pada hari yang sebelumnya, beliau sudah menjawab ataupun kementeriannya sudah menjawab soalan saya mengenai NPL dan di dalam jawapannya pada akhir Mei 1998 nisbah NPL berbanding dengan jumlah pinjaman di dalam sistem perbankan Malaysia ialah 8.5% dan jumlah NPL bersih ialah sebanyak RM34.1 bilion ataupun hampir AS\$9 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada setengah-setengah orang yang mempunyai syak wasangka terhadap nisbah yang diberi oleh pihak kementerian. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab kerana hari kemudian Yang Berhormat kata tidak tahu, apakah angkanya. Ini memang satu kebingunganlah mengenai sikap Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Memang bingung!

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau tidak bingung mengapa tak tahu?

Tuan Yang di-Pertua, memang salah satu masalah kita ialah NPL yang besar walaupun AS\$9 bilion berbanding dengan AS\$630 bilion yang terdapat di Jepun, ini memang satu perkara yang kecil kalau kita bandingkan dengan masalah di Jepun.

Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah keadaan yang sebenarnya, sebab ada satu jangkaan ialah mungkin pada akhir tahun ini meningkat kepada 15% ataupun 17% nisbahnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jawapan daripada Yang Berhormat tentang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, saya difahamkan bahawa belum lagi dilaksanakan, cuma ada ura-ura untuk menubuhkan Danaharta dan cara untuk mendapat wang kita mesti perlukan wang mungkin RM50 bilion ataupun lebih untuk membeli NPL daripada bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sudah mengatakan bahawa mungkin kita akan adakan bon global sepertimana yang dibuat oleh Amerika Syarikat - US Treasury Bond dan bolehkah Yang Berhormat terangkan secara lebih terperinci bagaimana kita dapat mengadakan bon seumpama ini untuk mendapat wang bagi Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu cara untuk kita merangsang ekonomi kita, kita dapat membeli NPL daripada bank-bank dengan nilai yang munasabah dan kemudian membolehkan bank-bank ini menggunakan wang tunai untuk kegiatan biasa, memberi pinjaman yang diperlukan oleh syarikat-syarikat dan sebab itu saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan bukan sahaja kadar nisbah NPL bahkan juga bagaimana kita dapat mengadakan bon global ini untuk menubuhkan Danaharta.

Selain dari itu, adakah sudah sepuluh minit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, sepuluh minit, tidak lama lagi saya akan akhiri ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya selain daripada Danaharta, pihak kementerian sudah pun mengadakan beberapa tabung berjumlah RM12 bilion

sekarang ini untuk merangsangkan ekonomi kita. Saya bersetuju untuk merangsang ekonomi kita dan untuk membolehkan beberapa projek pembangunan termasuk pendidikan dan RM1 bilion untuk sektor pendidikan bagi meneruskan projek-projek pembangunan di sekolah-sekolah, itu memang satu perkara yang perlu dibuat.

Walau bagaimanapun, apakah jumlah wang untuk mendorong mengadakan dana-dana yang dianggap perlu di dalam satu tahun ini, mungkin kita perlukan RM16 bilion ataupun RM20 bilion untuk memberi rangsangan kepada ekonomi kita dan kalau kita perlukan lebih banyak wang lagi, daripada punca mana hendak kita dapatkan wang ini? Pinjaman daripada mana sama ada dari luar atau dari dalam negara, sebab pinjaman daripada luar kita memang hampir lebih AS\$40.5 bilion, walaupun Yang Berhormat sudah pun mengatakan kita masih mampu bayar balik, tetapi ini memang sudah tinggi dan tukaran asing kita pun hanya RM57.6 bilion sahaja sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beberapa hari yang lepas.

Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan daripada mana kita dapat wang ini untuk menubuhkan beberapa tabung bagi merangsangkan ekonomi negara ini. Setakat manakah, sebab kita kekurangan wang, likuiditi tidak cukup, kecairan tidak cukup. Dengan mempertingkatkan tahap efficiency process perantaraan dengan mengurangkan nisbah keperluan rizab berkanun daripada 13.5% sehingga sekarang 8%. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan sejumlah cairan yang dapat diadakan dalam sistem perbankan kita dengan mengurangkan nisbah keperluan ini. Kita tidak ada wang [*Ketawa*] tetapi dengan kekurangan nisbah keperluan ini, dari mana kita akan dapatkan wang ini. Saya tidak begitu faham cara untuk menyelesaikan masalah ini.

Seterusnya saya akan menyentuh perkara yang terakhir mengenai komuter. Bagi saya cara untuk menguruskan masalah komuter KTM ini adalah kurang berkesan. Ianya kurang berkesan kerana pihak Kementerian Pengangkutan sudah memberi train komuter kepada 3 syarikat - daripada Austria, Afrika Selatan dan Korea dengan jumlah 62 buah train untuk komuter ini. Walaupun pihak KTM mengadakan workshop di Sentul untuk menguruskan semua masalah alat ganti bagi ketiga-tiga jenis train komuter yang berjumlah 62 buah ini tetapi masalah timbul kerana ketiga-tiga buah syarikat ini datang daripada 3 negara berasingan. Alat-alat ganti pula susah didapati dan saya pun tidak tahulah mengapa keputusan untuk membeli daripada ketiga-tiga negara berasingan ini dibuat dan memang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak mengakui ada masalah tetapi ianya adalah satu masalah yang serius kerana susah hendak mendapatkan alat-alat ganti.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap masalah ini dapat diselesaikan sebelum ia menjadi lebih serius. Misalnya, syarikat-syarikat yang membuat train ini - 18 set daripada Turnbucker Transport, Austria dengan perbelanjaan sejumlah US\$65 juta. Daripada Union Carriage and Wagon, Afrika Selatan - 22 set dengan RM62,875,110. Ketiganya Marugani Corporation, Jepun dan bukannya Korea (saya tersalah sebut) - 20 set. Jumlah 62 set walaupun jawapan daripada kementerian ialah dari segi kemudahan untuk alat ganti dan penyelenggaraan KTMB mempunyai satu stor di Depoh EMU Sentul untuk kemudahan penyimpanan dan pengurusan alat ganti. Unit Perolehan di Depoh EMU Sentul adalah bertanggungjawab dalam menguruskan pembelian alat-alat ganti ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang telah saya sebutkan ini ialah dengan perbelanjaan yang begitu besar dan alat ganti daripada tiga negara macam mana kita dapat menyelaraskan dan satu sistem untuk menggantikan alat ini dengan lebih berkesan. Itu memang satu masalah. Ini juga merupakan salah satu faktor efisiensi kita kurang dan keborosan itu bertambah. Saya harap masalah-masalah

seumpama ini dapat diselesaikan sebelum ekonomi kita menjadi lebih dahsyat lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

6.26 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kepong, Tambun dan Senai yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Ingin saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tidaklah betul kerana notis pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini adalah bertepatan dengan Peraturan 67(2), Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya turunkan butir-butir pembentangan anggaran tambahan atas meja mesyuarat dan tarikhnya sekali. Dokumen yang dibentangkan:

<u>Dokumen yang dibentangkan</u>	<u>Tarikh</u>
1. DR.14/98 Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1998) 1998	13.7.98
2. Kertas Perintah 18 dan 18A/1998 Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1998	16.7.98
3. Kertas Perintah 19 dan 19A/1998 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1998	16.7.98
4. Kertas Statut ST170/1998 Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Berjangka Tempoh 2 Januari 1998 hingga 10 Jun 1998	16.7.98

Seperti yang telah dijelaskan dokumen-dokumen Anggaran Tambahan telah pun dibentangkan di atas meja masing-masing daripada 13 Julai 1998 hingga 16 Julai 1998. Maka pembentangan untuk bacaan kali kedua pada hari ini adalah

bertepatan dengan peruntukan yang ada iaitu 67(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat masa telah cukup dan minta sambung pada hari Isnin.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat hari ini ditangguhkan hingga hari Isnin 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

